

**Bil. 3**

**Khamis  
27 Mac 1997**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT PERTAMA**

# KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

(Ruangan 1 )

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

(Ruangan 13 )

**USUL:**

- Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda  
Yang di-Pertuan Agong

(Ruangan 13 )

Mac, 1997.

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tajah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

- Yang Berhormat      Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “                      Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “                      Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “                      Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “                      Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “                      Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “                      Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “                      Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “                      Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “                      Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “                      Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “                      Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “                      Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “                      Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “                      Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “                      Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “                      Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “                      Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “                      Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

Yang Berhormat	Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
“	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
“	Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
“	Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
“	Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
“	Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
“	Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
“	Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
“	Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
“	Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
“	Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
“	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
“	Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
“	Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
“	Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
“	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
“	Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
“	Tuan Asmat Nungka (Beluran)
“	Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
“	Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
“	Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
“	Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
“	Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
“	Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
“	Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
“	Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

- Yang Berhormat Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

Yang Berhormat	Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
“	Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
“	Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
“	Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
“	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
“	Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
“	Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
“	Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
“	Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
“	Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
“	Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
“	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
“	Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
“	Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
“	Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
“	Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
“	Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
“	Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
“	Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
“	Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
“	Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
“	Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
“	Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
“	Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

- Yang Berhormat      Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “                         Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “                         Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “                         Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “                         Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “                         Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K.,  
P.J.K. (Bagan Serai)
- “                         Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “                         Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “                         Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P.,  
S.P.M.S. (Gua Musang)
- “                         Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “                         Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “                         Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “                         Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “                         Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “                         Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “                         Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “                         Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “                         Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “                         Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “                         Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “                         Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “                         Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “                         Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “                         Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

- Yang Berhormat Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN  
PARLIMEN MALAYSIA**

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N.,  
P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.  
Ketua Penolong Setiausaha : Said bin Sidik  
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman  
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.  
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Jainah binti Sakimin  
Shamsina binti Janor  
Pembaca Pruf : Abu Bakar Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat : Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA****DEWAN RAKYAT****Khamis 27 Mac 1997****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang****D O A**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*  
*Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPANMULUT BAGI****PERTANYAAN-PERTANYAAN****JPJ/PUSPAKOM - JUMLAH KUTIPAN  
HASIL PADA TAHUN 1996**

1. **Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) jumlah kutipan hasil mengikut aktiviti JPJ pada tahun 1996 dan menyatakan pejabat JPJ negeri terbanyak dan tersedikit (serta jumlahnya) yang membuat kutipan bagi tempoh di atas; dan
- (b) jumlah kutipan hasil yang dibuat oleh PUSPAKOM S/B pada tahun 1996 dan nyatakan jumlah Pusat PUSPAKOM yang telah beroperasi.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Jumlah kutipan hasil mengikut aktiviti JPJ pada tahun 1996 ialah sebanyak RM2,177,532,206.72. Dari jumlah tersebut, JPJ Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merupakan negeri terbanyak memungut hasil iaitu berjumlah RM468,031,129.36, sementara JPJ Wilayah Persekutuan Labuan pula merupakan negeri tersedikit memungut hasil iaitu berjumlah RM4,478,953.55.
- (b) Jumlah kutipan hasil yang berjaya dikutip oleh PUSPAKOM pada tahun 1996 ialah sebanyak RM40,624,161.88. Berhubung dengan jumlah pemeriksaan PUSPAKOM yang telah beroperasi sehingga kini, sejumlah 30 buah pusat pemeriksaan telah pun beroperasi secara berkomputer di seluruh negara.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita diberitahu bahawa dalam minggu ini, PUSPAKOM Sendirian Berhad di Wangsa Maju dan juga di Cheras telah tidak dapat beroperasi dengan licin dan teratur kerana disebabkan oleh sistem komputer pemeriksaannya rosak.

Adakah ini disebabkan oleh keabaiannya penyeliaan oleh kakitangan ataupun adakah ianya disebabkan oleh tidak adanya pelan bertindak sewaktu kecemasan yang dibuat oleh pihak PUSPAKOM dan kalau ianya berlaku mengapakah PUSPAKOM tidak mematuhi aturan yang telah dikeluarkan sejak tahun 1994.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem komputer yang rosak di dua tempat PUSPAKOM seperti yang disebut sedang diperbaiki oleh PUSPAKOM.

PUSPAKOM tidak menjangka tarikh pembaikan ini mengambil masa lebih daripada seminggu. Mungkin ini kali pertama kerosakan yang panjang. Kerana itu, kementerian telah meminta supaya PUSPAKOM menyediakan back-up services yang lebih tinggi lagi pada masa depan supaya jika berlaku kerosakan komputer, ianya perlu diperbaiki dalam tempoh sehari dua, tidak mengambil masa lebih seminggu seperti yang sedang berlaku pada hari ini dan perkara ini sedang diambil tindakan oleh pihak PUSPAKOM.

**Dato' Haji Hanafi bin Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa peranan JPJ yang memungut cukai-cukai jalan ini akan diswastakan dan jika benar, syarikat manakah yang akan diberi pertimbangan ini dan apakah kaedah yang ditentukan oleh kerajaan.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:** Tuan Yang di-Pertua, memang beberapa perkhidmatan JPJ akan diswastakan tidak berapa lama lagi dan pengisytiharan nanti akan dibuat oleh Yang Berhormat Menteri bila tiba masanya.

**PLUMBUM SERUM - TAHAP BERLEBIHAN  
PADA KANAK-KANAK**

2. **Puan Chua Soon Bui [Tawau]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) sama ada kementerianannya sedar bahawa kira-kira 7% dari kanak-kanak tadika di Ranau, Tuaran dan Kota Belud mempunyai tahap plumbum serum (serum lead) yang berlebihan dan apakah puncanya; dan

- (b) apakah Kementerian bercadang menjalankan kajian terhadap tahap "serum lead" di kalangan kanak-kanak di seluruh negeri Sabah dan nyatakan langkah-langkah kerajaan untuk menyemaikan kesedaran terhadap perkara ini di kalangan ibu bapa dan kanak-kanak.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Kesihatan Malaysia sedar tentang 7% dari kanak-kanak Tadika di Ranau, Tuaran dan Kota Belud mempunyai tahap plumbum serum yang berlebihan. Perkara ini telah pun dikaji dan keputusan telah dibuat agar satu jawatankuasa di bawah Jabatan Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan diwujudkan bagi menyelaraskan aktiviti pengawalan di negeri Sabah.

Jawatankuasa ini telah mengadakan perbincangan di kalangan agensi dan pihak yang pernah membuat kajian tentang plumbum bagi mengenalpasti punca plumbum dengan tujuan untuk mewujudkan satu pelan tindakan yang komprehensif sebagai langkah berintegrasi antara agensi.

- (b) Segala kajian yang telah dibuat tentang plumbum dan lain-lain logam berat yang telah ada setakat ini di Sabah telah pun dikumpulkan dan dianalisa. Antara yang sedang dijalankan ialah oleh Institut Penyelidikan Perubatan di Kuala Lumpur telah pun membuat kajian 'Impak Aktiviti Perlombongan Terhadap Status Kesihatan Penduduk Ranau, Sabah' semenjak tahun 1996 dan masih lagi diteruskan.

Kajian sedang dijalankan oleh Yayasan Sabah dan Pusat Racun Negara, Universiti Sains Malaysia dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Sabah bagi mengenal pasti punca-punca berlakunya tahap plumbum serum yang berlebihan. Pada mulanya kajian ini dijalankan di kalangan kanak-kanak di kawasan terlibat sahaja.

Kanak-kanak yang tinggi tahap plumbumnya pada permulaan kajian akan diperiksa darahnya sekali lagi pada bulan April 1997 bagi mengetahui tahap sebenar plumbum. Status kesihatan am dan neurologikal atau ITU akan ditentukan oleh

pakar kanak-kanak. Pendidikan kesihatan telah pun diberikan kepada ibu bapa kanak-kanak yang tinggi tahap plumbumnya selepas keputusan diketahui pada peringkat awal.

**Tuan Henrynus Amin:** Tuan Yang di-Pertua, kawasan Ranau sebenarnya adalah di bawah kawasan Parlimen Kinabalu, jadi saya ingin menarik perhatian Timbalan Menteri mengenai dengan masalah yang sedang dihadapi di kawasan itu. Sebenarnya kita sedar bahawa masalah berlebihan serum plumbum ini adalah masalah yang sudah berlaku sejak bertahun-tahun lamanya. Dari jawapan tadi kita tidak mendengar apakah sebab-sebab atau puncanya.

Jadi, soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu setakat ini dari segi di peringkat kementerian, adakah kita sudah mengetahui di mana puncanya oleh kerana sangat penting bagi kita untuk memberi maklumat kepada penduduk-penduduk kampung.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, punca sebenarnya kita tidak ketahui, tetapi kita sedang ambil contoh-contoh ikan, sayur dan lain-lain bahan yang dimakan. Mungkin makanan-makanan ini terlibat dengan pencemaran di kawasan yang tidak dikesan atau dikawal oleh pihak-pihak yang sepatutnya. Jadi, sebab itulah satu jawatankuasa peringkat kebangsaan telah diwujudkan dan untuk tujuan mengkaji hasil-hasil kajian yang telah dibuatkan bagi mengambil dan menentukan pelan tindakan yang boleh diambil tindakan bersama sebagai agensi.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa perkara ini bukanlah dipikul oleh satu-satu kementerian, terutamanya pihak Kementerian Kesihatan kerana kita melakukan dan memberi kajian sampel untuk dijadikan sebagai asas tindakan dan membuat keputusan apakah pelan tindakan dan diperlukan tindakan secara berintegrasi di antara agensi-agensi terlibat dan diperlukan juga satu sistem monitoring atau evaluasi environment untuk mengawal secara berkala dan ini harus diambil tindakan oleh semua pihak kerana asas-asas dan puncanya seperti yang kita tahu juga melibatkan kementerian-kementerian lain, seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Kementerian Perusahaan Utama dan juga kementerian yang bersabit dengan hal ehwal pengguna (consumer) kerana kita sedia maklum plumbum ini terdapat dalam petroleum, dalam bahan-bahan yang boleh menjejaskan dan mencemarkan environment. Kalau

tidak ada pengawalan, termasuk juga Kementerian Pertanian, dari hasil-hasil bahan makanan maka tidak mungkin satu kementerian sahaja terlibat dengan soal-soal seperti ini.

**Dr. Yap Yit Thong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu selain daripada kajian dibuat di Sabah, adakah kajian dibuat di Semenanjung Malaysia berkenaan plumbum serum di antara kanak-kanak di Semenanjung Malaysia?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, laporan ini khusus dibuat di Sabah. Bagi yang di seluruh Semenanjung, terpulang kepada sampel yang diberikan dan laporan daripada keadaan setempat untuk mendapatkan kesan-kesan itu secara saintifik daripada pihak kementerian yang mendapatkan kesan itu daripada hasil-hasil seperti barang-barang makanan. Jadi, dengan itu bolehlah kita membuat satu pengukuran atau satu keputusan berkenaan dengan dari mana punca dan sebagainya. Sebab itu, kita tidak boleh setakat ini menentukan punca sebenarnya daripada mana.

Walaupun demikian, satu kursus pendidikan atau penerangan telah diberikan untuk mengambil langkah-langkah bagi mengelakkan, langkah-langkah yang perlu diambil oleh orang ramai, langkah-langkah yang perlu diambil oleh keluarga, orang-orang dewasa dan juga kanak-kanak supaya tidak mudah terkena dengan permasalahan ini, seperti:

- keadaan atau kawasan yang terlibat dengan faktori atau industri atau keadaan yang mungkin terlalu polluted, seperti di jalan-jalan trafik dan sebagainya;
- seperti menurunkan senarai-senarai pembersihan umum kepada rumah dan persekitaran;
- pastikan kita sentiasa menanggalkan kasut sebelum memasuki rumah untuk mengelakkan kesan-kesan plumbum yang mungkin terdapat kerana bertapak di tempat-tempat atau kawasan yang ada kesan plumbum;
- amalkan pemakanan yang sihat yang dinasihatkan supaya cuba mendapatkan bahan makanan yang perlu diperhatikan tentang cara mendapatkan sumber bahan makanan ini;
- galakkan anak-anak atau ahli keluarga untuk sentiasa bersih;

- jangan gunakan pinggan mangkuk yang telah lama diimport dari sesuatu negara yang terkenal dibuat dengan menggunakan bahan plumbum - ada separuh bahan atau tempat makanan;
- elakkan daripada memilih hobi yang menggunakan plumbum;
- elakkan sebanyak mungkin menggunakan petrol yang ada plumbum, tanpa plumbum, kalau boleh dibankan langsung;
- jangan gunakan ubat-ubatan ataupun alat dandan yang menggunakan kandungan plumbum dan sebagainya.

Ini sebagai satu penerangan untuk kesedaran dan kita sendiri mengambil tindakan mengelakkan. Tetapi dari segi yang saya katakan tadi, satu jawatankuasa tindakan di peringkat kebangsaan yang melibatkan intra agensi telah pun diwujudkan untuk tujuan semuanya mengambil tindakan.

#### INDUSTRI BIJIH TIMAH - PENGELUARAN

**3. Dato' Hew See Tong [Kampar]** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandangkan Malaysia masih memiliki kawasan bijih timah yang luas:-

- (a) adakah kementeriannya mempunyai polisi dan rancangan untuk membantu perindustrian bijih timah menambah pengeluaran supaya pengaliran keluar wang ringgit dapat disekat; dan
- (b) jika ada polisi tersebut, apakah strateginya.

**Menteri Perusahaan Utama [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]:** Tuan Yang di-Pertua, Dasar Mineral Negara yang telah pun dilancarkan pada tahun 1992 bermatlamat untuk menggalakkan pembangunan industri mineral secara amnya. Kementerian Perusahaan Utama tidak mempunyai polisi atau rancangan yang khusus untuk membantu industri bijih timah meningkatkan pengeluarannya. Kementerian ini berpendapat adalah lebih wajar pengeluaran bahan berkenaan ditentukan oleh faktor-faktor ekonomi dan pasaran.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya bertanya Yang Berhormat Menteri, memandangkan bijih timah merupakan pada satu masa adalah satu industri yang tersangat penting kepada Malaysia di mana Malaysia pernah menjadi pengeluar utama tetapi sekarang telah dipintas oleh negara-negara lain. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan dari segi jumlah, nilai dan juga

tahap negara dari aspek antarabangsa iaitu kedudukan Malaysia sekarang berbanding dengan masa lepas? Dan mengapakah satu pelan induk bijih timah tidak boleh dirancangkan sepertimana satu pelan induk industri memandangkan bijih timah atau industri ini masih merupakan satu industri yang sangat penting dari segi nilai ekonominya dan juga dari segi pekerja-pekerja serta kepakaran yang sedia ada di Malaysia yang boleh digunakan sebagai satu comparative advantage kepada negara kita?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar dan semua rakyat kita di Malaysia pun sedar pada suatu masa dahulu Malaysia adalah pengeluar bijih timah utama di dunia, tetapi saya ingat Yang Berhormat dari pembangkang pun tahu bijih timah adalah dengan izin, depleading resources yang mana kita sudah melombong bijih timah selama 100 tahun dan kalau bijih timah habis, macam mana saya sebagai menteri boleh cari bijih timah? Saya tak boleh beranak bijih timah. *[Ketawa]* Jadi, dengan itu kita sekarang mengeluarkan hampir 6,000 tan setahun. Saya ingat dengan harga yang ada sekarang lebih kurang RM90 juta sahaja, walaupun kita ada eksport bijih timah sejumlah lebih kurang RM400 juta atau RM500 juta, mana timah ini datang? Kita sekarang jadi pemproses bijih timah untuk dikeluarkan, tetapi kalau mahu lombong atau keluarkan timah, susahlah Yang Berhormat, saya tak boleh beranak timah ini. *[Ketawa]* Walau macam mana saya mahu cuba menggalakkan, kalau tidak ada, means 'tidak ada'. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu.

*[Soalan No. 4 - Y.B. Tuan Haji Mohamad bin Sabu tidak hadir]*

#### **TABUNG KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN EKONOMI BELIA - PENGWUJUDAN**

**5. Puan Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan tentang rancangan pengwujudan Tabung Ekonomi Belia di bawah Kementerian Belia dan Sukan yang telah diumumkan pada tahun lepas. Nyatakan perkembangan kemajuan tentang tabung tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia telah diwujudkan sejak tahun 1988 bertujuan untuk memberikan

kemudahan pinjaman, pembiayaan modal kepada belia dalam bidang perniagaan. Pada tahun 1995 tabung tersebut telah dikaji semula dengan beberapa pindaan dari segi syarat kelayakan pinjaman dan juga had pinjaman.

Mulai tahun 1996 tabung tersebut telah dilancarkan semula dengan memperluaskan sasaran peminjam belia kepada umur 18 hingga 40 tahun dan jumlah pinjaman maksimum sebanyak RM50,000 serta tempoh bayaran balik maksimum 10 tahun.

Sejak dilancarkan semula pada Mac 1996 sehingga Mac 1997 seramai 886 orang belia telah memohon pinjaman di bawah skim ini. Dari jumlah tersebut seramai 417 belia telah mendapat pinjaman yang melibatkan jumlah peruntukan sebanyak RM9,121,200. Ini bermakna sejak tabung ini diwujudkan Ogos 1988 hingga Februari 1997 seramai 3,423 belia telah memohon pinjaman. Dari jumlah tersebut seramai 2,140 telah mendapat pinjaman yang melibatkan peruntukan sebanyak RM31,547,914.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan syabas kepada Kementerian yang telah berjaya membantu dan melaksanakan program berkenaan. Jadi, saya ingin bertanya adakah Kementerian sedar bahawa sebilangan pemohon telah melahirkan rasa hampa di peringkat kampung-kampung dan desa, oleh kerana masalah penjamin yang disyaratkan untuk seseorang peminjam itu dapat memohon pinjaman mereka. Adakah langkah kerajaan untuk lebih memudahkan lagi syarat penjamin ini kerana di kampung untuk mendapatkan dua orang penjamin amat susah dan sukar, jadi, kalau tidak ada bagaimanakah kerajaan melalui Kementerian ini dapat mencapai target bagi mengeluarkan pinjaman mengikut sasaran yang telah ditetapkan?

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di atas segala puji-pujian itu. Ini sudah semestinyalah memberi rangsangan kepada kita untuk bekerja lebih kuat Yang Berhormat.

Keduanya, kita semua tahu ini adalah wang kerajaan, jadi sudah semestinya ada beberapa condition supaya wang ini tidak dipinjam secara 'lewa' sahaja.

Buat masa kini kelayakan untuk penjamin-peminjam ini adalah begitu longgar sebenarnya dan keadaan ini tidak kita dapati di bank-bank atau

institusi-institusi kewangan yang lain. Misalnya untuk pinjaman sebanyak RM10,000 kita tidak menetapkan pendapatan setiap penjamin dan untuk RM11,000 hingga RM30,000 pendapatan sekurang-kurangnya RM800 sebulan sahaja setiap penjamin dan untuk RM31,000 hingga RM50,000 pendapatan sekurang-kurangnya RM1,500 sebulan setiap penjamin. Saya rasa bahawa condition atau syarat ini adalah satu syarat yang membolehkan ramai yang memohon pinjaman, melainkan kalau ada usul supaya pinjaman ini diberi free sahaja. Saya rasa Yang Berhormat perkara ini agak sukar untuk kementerian menjelaskannya.

**Puan Seripah Noli binti Syed Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ada mendengar beberapa rungutan daripada belia-belia yang telah mengemukakan permohonan pinjaman daripada Tabung Ekonomi Belia di bawah kementerian, yang mana telah memakan masa hampir 4 bulan tanpa sebarang jawapan, walaupun mereka memenuhi segala syarat yang telah ditentukan.

Soalan saya ialah, walaupun baru-baru ini Menteri Belia dan Sukan ada menyatakan bahawasanya pemprosesan permohonan ini akan dipercepatkan sekurang-kurangnya 2 bulan. Tetapi saya ingin mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen, apakah punca utama kelewatan pemprosesan permohonan tabung yang dimaksudkan.

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu bahawa kementerian tidak mempunyai pegawai belia dan sukan yang mencukupi di seluruh negara. Kita mengambil beberapa tindakan supaya keadaan ini diperbaiki.

Mengikut proses pinjaman, kertas kerja mestilah dihantar melalui Pejabat Belia dan Sukan Daerah untuk diproseskan. Oleh kerana kita tidak cukup kakitangan buat sementara ini, maka adalah sedikit kelewatan. Walau bagaimanapun keadaan ini telah pun dimaklumkan kepada semua yang terlibat di kementerian dan insya-Allah kelambatan ini tidak akan terjadi.

Walaupun bagaimanapun saya ingin menyatakan di sini bahawa bukan semua pinjaman itu diluluskan dalam masa 4 bulan, ada juga pinjaman di mana kertas kerjanya dan semua kaedah yang diperlukan itu lengkap, maka pinjaman itu dapat diluluskan dan cek dikeluarkan dalam masa sebulan atau dua bulan.

## RUMAH - PELAKSANAAN INDEKS HARGA

**6. Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Kewangan menyatakan rancangan melaksanakan indeks harga rumah bagi mengawal harga rumah seluruh negara dan sejauh manakah indeks ini dapat mempengaruhi pasaran harta tanah dan rumah bagi membolehkan rumah-rumah mudah dibeli.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) adalah diwujudkan untuk mengukur prestasi harga rumah di Malaysia. Sebelum ini tidak ada sebarang kadar pengukuran prestasi untuk sektor harta tanah. Oleh yang demikian, kerajaan dan juga orang ramai tidak dapat menentukan berapakah kenaikan harga rumah sebenarnya. Dengan adanya IHRM ini, kini bolehlah kerajaan mengawasi pasaran harta tanah khususnya sektor kediaman dengan lebih teliti.

Kerajaan kini sedang menggunakan indeks-indeks lain seperti indeks harga pengguna (consumer price index) untuk mengawasi dan mengawal kadar inflasi serta harga barangan.

Begitu juga kerajaan akan menggunakan IHRM untuk mengawasi harga rumah. Dengan sendirinya ia tidak boleh mengawal harga rumah atau membolehkan rumah-rumah mudah dibeli, akan tetapi kerajaan boleh menggunakan IHRM untuk mengatur atau menyediakan polisi-polisi yang sedia, yang sesuai untuk mengawal sektor harta tanah kediaman.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, menurut jawapan itu, indeks harga rumah ini hanya merupakan satu panduan atau rujukan kepada pembeli-pembeli rumah bagi membolehkan mereka mengetahui dan membanding harga-harga rumah di sesuatu kawasan atau kawasan-kawasan perijiran, tetapi bukan merupakan satu penyelesaian kepada harga rumah yang melampau atau yang maha tinggi. Masalah ini adalah masalah yang sangat serius bagi mereka yang tinggal di kawasan bandar, khususnya mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana, susah serta sukar untuk mereka membeli rumah yang berkemampuan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, soalnya, Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** ....maka saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, nampaknya indeks ini tidak berguna langsung untuk

mengawal harga rumah seperti yang diakui oleh Yang Berhormat. Jadi, bolehkah kementerian memperkenalkan atau menggubalkan satu peraturan untuk memastikan pembeli-pembeli dapat membeli rumah dan tidak akan menjadi mangsa kepada pemaju yang tamak atau speculators. Ini yang penting sekali.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, memang kewajipan kerajaan untuk mewujudkan indeks harga rumah bagi tujuan mengawal harga rumah. Ini hanya digunakan sebagai satu petunjuk supaya dapat digunakan oleh pihak-pihak yang berkenaan untuk menggubal dasar ataupun polisi-polisi tertentu. Misalnya dengan adanya indeks ini dapat kita tentukan, dapat kita menyedari iaitu indeks harga rumah pada tahun 1996 berbanding dengan indeks pendapatan per kapita, iaitu RM200. Jadi, dapatlah kita ketahui iaitu indeks rumah itu masih lagi melampaui indeks pendapatan per kapita. Ini menunjukkan satu panduan yang boleh digunakan untuk kita menyedari bahawa masih terdapat kekurangan rumah kediaman di negara ini.

Saya rasa kesal sedikit oleh kerana difikirkan usaha yang digunakan selama 3 tahun untuk mewujudkan indeks ini dikatakan tidak berguna langsung oleh seorang Ahli Yang Berhormat dan dikaitkan juga dengan harapan indeks ini digunakan sebagai satu peraturan untuk dapat memastikan menjamin orang-orang membeli rumah. Ini memanglah bukan tujuan yang diadakan indeks harga rumah ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, indeks harga rumah ini akan diperbaiki dari masa ke semasa dan pihak kementerian fikir pada masa akan datang indeks ini akan dapat mengandungi data-data yang terkini dan berwibawa tentang pergerakan jumlah transaksi dan stok perumahan mengikut stok-stok lagi terperinci kalau berbanding dengan sekarang kita telah golongankan semua jenis rumah teres pada satu golongan. Mungkin pada masa-masa akan datang itu dapatlah digolongkan antara rumah kos rendah, rumah teres sederhana, rumah teres mewah dan sebagainya. Dan begitu juga dengan semi-D dan harga rumah bangalow dan rumah bangunan tinggi. Jadi, dengan itu mungkinlah dapat kita gunakan ini sebagai satu petunjuk, sebagai satu kecenderungan pergerakan harga rumah pada satu-satu masa dan untuk masa hadapan dan memang ini adalah satu tujuannya. Sekian.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jika indeks harga

pengguna secara menyeluruh dijadikan petunjuk yang boleh kerajaan gunakan untuk mengukur kadar permintaan dan penawaran agregat di pasaran dan seterusnya dengan menggunakan petunjuk tersebut, kerajaan mempunyai banyak instrumen polisi untuk melakukan sesuatu untuk mengawal kenaikan harga. Dengan adanya indeks harga rumah ini apakah dia instrumen polisi yang boleh digunakan oleh kerajaan untuk mengawal ataupun mempengaruhi kenaikan harga rumah kalau berbanding dengan, kalau IHP kita ada banyaklah instrumen polisi, kita boleh guna pencukaian, kita boleh guna polisi tukaran asing dan sebagainya untuk mempengaruhi pergerakan IHP tetapi untuk IHRM apakah dia instrumen polisi yang boleh digunakan? Terima kasih.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu contoh, bolehlah saya tunjukkan beberapa polisi yang telah ditetapkan oleh kerajaan untuk mengawasi pergerakan turun naik harga rumah. Katalah dalam tahun 1995, levi sebanyak RM100,000 telah digunakan kepada orang asing untuk membeli rumah kediaman di Malaysia. Ia adalah satu langkah di mana satu polisi yang digunakan sebagai satu instrument untuk mengawasi pergerakan turun naik harga itu. Begitu juga pada tahun yang sama setelah dinaikkan cukai keuntungan harta tanah daripada 20% kepada 30% bagi tahun pertama dan kedua dan sebagainya dan juga adalah ditentukan polisi seperti bagi orang asing dikenakan cukai harta tanah 30% sama rata, ini adalah berlainan daripada cukai yang dikenakan berbanding dengan rakyat Malaysia. Dari segi pinjaman, Bank Negara Malaysia juga telah mengadakan peraturan seperti hanya membenarkan 60% pinjaman diberikan kepada rumah-rumah yang melebihi RM150,000 dan ini adalah beberapa contoh yang boleh saya sampaikan di mana yang merupakan petunjuk ataupun instruments yang digunakan oleh pihak kerajaan untuk mengawal turun naik harga rumah.

#### **SELUDUP 3,049 BATANG BALAK DI SABAH - PERSELISIHAN KUASA**

7. Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman minta YAB Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah terdapat perselisihan kuasa antara negeri Sabah dengan Kementerian Perusahaan Utama sehingga menimbulkan kontroversi tidak lama dahulu terhadap 3,049 batang balak yang diseludup yang bernilai RM7 juta itu; dan

- (b) bagaimana percanggahan ini boleh berlaku sedangkan penyeludupan ini telah dirancang oleh individu-individu atau syarikat-syarikat tertentu kerana sebuah syarikat dilaporkan hendak mengambil tindakan undang-undang terhadap Kerajaan Negeri Sabah sekiranya kayu-kayu balak tersebut tidak dapat mereka eksport.

27.3.97

**25. Datuk Nurnikman bin Abdullah [Beaufort]** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan mengenai Isu Penyeludupan Balak di Tawau pada 18 Januari, 1997 sebagai tempat transit untuk eksport kegiatan berkenaan membabitkan kerugian berjuta ringgit kepada hasil kerajaan negeri dan isu berkenaan juga menimbulkan kontroversi mengenai bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan Negeri:

- (a) berapakah nilai sebenar balak yang diseludup yang membabitkan 7 pemunggahan terdahulu termasuk kes berkenaan; dan
- (b) berapakah jumlah lesen mengeksport balak yang telah dibenarkan di Sabah.

**46. Tuan Liew Ah Kim [Seputeh]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada telah menerima laporan penyiasatan yang dibuat oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) berhubung dengan serbuan ke atas penyeludupan balak di Teluk Wellace dekat Pulau Sebatik di Tawau, Sabah pada Januari, 1997. Sila nyatakan juga:

- (a) berapa banyak kapal-kapal telah digunakan memunggah kayu balak dalam penyeludupan selama ini, dan apakah kerugian kewangan kepada ekonomi Sabah khususnya dan Kerajaan Pusat amnya berikutan dengan penyeludupan kayu balak ini; dan
- (b) sama ada kayu balak yang ditahan dalam lserbuand tersebut diseludup dari Sabah atau Indonesia.

1.4.97

**50. Tuan Liew Ah Kim [Seputeh]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada sedar di bawah Laporan Malaysia mengenai Jawatankuasa Antara Kerajaan 1962 (Malaysia Report of the Inter-Governmental Committee 1962) bahawa Import kepada dan eksport daripada, adalah diberi kuasa kepada Pusat tetapi ianya juga menyebut amalan sekarang mengeksport pembalakan dan kayu balak dari

negeri-negeri Borneo tidak boleh adanya campurtangan oleh itu menyebabkan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik mendakwa terdapat pertindihan kuasa di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Jika sedar, adakah Kerajaan Pusat bercadang untuk mengambil kuasa-kuasa tertentu daripada Kerajaan Negeri.

22.4.97

**5. Tuan Yunof Edward Marinking [Tuaran]** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) sebab mengapa kementerian membenarkan beberapa syarikat mengeksport balak dari negara-negara jiran melalui Sabah tanpa pengetahuan Kerajaan Negeri Sabah sedangkan bidang kuasa mengenai pembalakan di negeri itu adalah tanggungjawab kerajaan negeri menurut Perjanjian Malaysia dan memandangkan dasar pengharaman eksport balak masih dikuatkuasa oleh Kerajaan Negeri Sabah pada masa itu;

28.4.97

**2. Tuan Lim Si Cheng [Senai]** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) berhubung kes penyeludupan 2,800 balak di Tawau, Sabah baru-baru ini, kenapa kawasan balak itu boleh diterokai secara haram dengan begitu mudah dan hasilnya dikeluarkan dari hutan tanpa menghadapi sebarang masalah; dan
- (b) adakah kementerian akan menegaskan undang-undang bagi mengawal pihak tertentu yang terlibat dalam penyeludupan balak di seluruh negara, memandangkan kerajaan Malaysia sering didakwa oleh media Barat menebang tebas hutan tanpa kawalan.

**Menteri Perusahaan Utama [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan atau sebahagian soalan-soalan yang serupa dari beberapa Ahli Yang Berhormat. Soalan-soalan yang saya maksudkan adalah dari Ahli Yang Berhormat dari Beaufort pada 27 Mac 1997, Ahli Yang Berhormat dari Tuaran pada 22 April 1997 dan Ahli Yang Berhormat dari Senai pada 28 April 1997 yang ditujukan kepada

Menteri Perusahaan Utama dan Ahli Yang Berhormat daripada Seputeh pada 27 Mac 1997 dan 1 April 1997 yang ditujukan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, pengimportan balak ke Sabah adalah di dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan Jabatan Kastam telah pun menurunkan kuasa kepada Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) di bawah Kementerian Perusahaan Utama (KPU). Mengenai pengeksporan balak dari negeri Sabah pula dapatlah ditafsirkan daripada Perjanjian Antara Kerajaan (InterGovernmental Agreement) berhubung dengan penubuhan Malaysia bahawa perkara ini adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri Sabah. Transshipment atau balak dalam transit yang kadang-kadang digunakan perkataan pengeksporan semula melalui perairan Sabah adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Kastam setelah dirujuk kepada Kementerian Perusahaan Utama. Oleh itu tidak ada perselisihan kuasa antara Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Persekutuan mengenai import balak ke Sabah dan eksport balak dari Sabah. Pada masa ini Kerajaan Persekutuan tidak bercadang untuk mengambil kuasa-kuasa tertentu dari Kerajaan Negeri berkaitan perkara ini dan peraturan sedia ada akan terus digunakan.

Sukacita dimaklumkan di sini bahawa Kementerian Perusahaan Utama melalui MTIB telah membenarkan import kayu balak ke negara ini khususnya ke Sabah memandangkan bekalan kayu di Sabah tidak mencukupi untuk menampung kapasiti kilang-kilang memproses kayu di negeri tersebut. Ini adalah selaras dengan sikap membantu industri yang diambil oleh Kementerian Perusahaan Utama demi kepentingan menggalakkan industri kayu di negara ini khususnya di Sabah. Transshipment balak telah dibenarkan demi memberi faedah kepada ekonomi Sabah secara keseluruhannya. Walau bagaimanapun, pada pertengahan tahun 1996, setelah Kementerian Perusahaan Utama mengadakan perbincangan dengan pihak industri dan agensi-agensi yang berkenaan di Sabah, keputusan telah pun diambil untuk menamatkan semua transshipment balak. Tetapi beberapa syarikat telah merayu dan telah diberi kebenaran membuat transshipment sehingga 31 Disember 1996. Memandangkan rampasan di Pulau Sebatik tersebut adalah selepas tarikh 31 Disember 1996, adalah jelas bahawa ianya tidak mendapat kebenaran Kerajaan Persekutuan.

Oleh itu, adalah tidak benar kenyataan bahawa pemilik kayu balak tersebut mempunyai lesen eksport daripada MTIB. Seperti yang Dewan ini sedia maklum, kes ini telah dibawa ke mahkamah dan siasatan juga sedang dijalankan oleh pihak Badan Pencegah Rasuah, pihak polis dan Jawatankuasa Khas Menyiasat Penyeludupan Balak di Sabah di bawah Kementerian Kewangan. Oleh itu, pada prinsipnya perlulah kita tunggu keputusan mahkamah dan hasil siasatan ini dahulu.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya adakah pihak kementerian dan Jabatan yang lain telah benar-benar mengkaji dan mengesan bahawa RM3,049 batang kayu balak itu benar-benar dari Indonesia dan bukan dari illegal felling, dengan izin, dari sempadan negeri Sabah sebab mengatakan bahawa sebahagian logs kayu balak itu ialah dari kawasan Sabah. Ini umum. Saya ingin meminta pengesahan dari pihak kementerian adakah ini telah disiasat dengan dalam?

Seterusnya, kenapakah kita membenarkan pengeksporan kayu balak dari negeri Sabah dan pada masa yang sama kita membenarkan import kayu balak juga? Jadi, tidak ada rasional pada masa kita benarkan eksport, tetapi kita juga mahu import. Kenapa semuanya tidak diproses di dalam negeri dan tutup ataupun jangan benarkan pengeksporan kayu balak.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu, siasatan telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Sabah dan juga dari Kementerian Kewangan. Walaupun balak ini di dalam transshipment, ia datangnya dari Indonesia atau sebahagiannya datang dari Sabah. Ini saya ingat siasatan telah dibuat dan jika ada apa-apa kesalahan, saya ingat pihak berkenaan akan mengambil tindakan.

Rasional untuk mengimport dan mengeksport, itulah Yang Berhormat datang dari Sabah. Kalau Kerajaan Sabah mahu eksport dalam Inter Government Agreement, saya suka atau tidak suka, terpaksa ikut. *[Ketawa]*

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ekoran dari penjelasan Yang Berhormat Menteri, saya ingin tahu apakah bentuk penyelarasan yang wujud di antara Kerajaan Negeri dan Kementerian Perusahaan Utama dalam aspek pengeluaran permit untuk mengeksport balak di negara ini dan sejauh manakah siasatan BPR terhadap kes ini?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Sudah berjalan. Eksport balak dari Sabah adalah kuasa Kerajaan Negeri Sabah. Tidak ada perselisihan kuasa. Itu Kerajaan Negeri Sabah yang menentukan. Saya tidak ada kuasa ke atas perkara ini.

Mengenai siasatan BPR, saya ingat bukan di bawah tanggungjawab saya. *[Disampuk] [Ketawa]* Bila siasatan dibawa kepada pihak kanan, selepas itu saya ingat sama ada mahu mengambil tindakan atau tidak mahu mengambil tindakan, itu bergantung kepada pihak berkenaan.

#### **DOKUMEN PEKERJAAN PALSU - BILANGAN KES**

**8. Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah bilangan kes dokumen palsu yang dikeluarkan oleh agensi pekerjaan swasta; dan
- (b) apakah tindakan dan hukuman kerajaan terhadap agensi pekerjaan swasta yang melakukan kesalahan tersebut.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Dalam Negeri tidak dapat mengetahui bilangan dokumen palsu yang dikeluarkan oleh agensi swasta.
- (b) Di bawah pindaan Akta Imigresen 1959/63 yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dalam sidang yang lepas dan berkuatkuasa mulai 1hb. Februari 1997, hukuman bagi kesalahan membuat, memalsukan atau meminda endorsement atau dokumen imigresen di bawah seksyen 55(D) ialah seperti berikut:-
  - (i) denda tidak kurang daripada RM30,000, tetapi tidak lebih daripada RM100,000; dan
  - (ii) penjara mandatori tidak kurang lima tahun, tetapi tidak lebih 10 tahun; dan
  - (iii) sebat mandatori tidak lebih enam kali

**Dr. Lee Chong Meng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini, ramai orang kompelin tentang kes dokumen palsu yang berlaku di Wilayah Persekutuan. Adakah kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan saya

bahawa dari segi keadilan mangsa-mangsa terlibat di dalam kes ini boleh diberikan peluang khas untuk bekerja dengan majikan masing-masing?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya memang sedar tentang ada ramai majikan yang ditipu oleh agensi-agensi yang kurang bertanggungjawab ataupun sindiket yang tidak ada lesen.

Bagi golongan ini, kementerian telah pun ada satu pendirian di mana kalau sekiranya majikan yang telah tampil ke depan dan membuat laporan polis dan telah menunjukkan bukti-bukti bahawa mereka itu benar-benar ditipu dan mereka telah pun menganggap permit kerja PLKS itu adalah sah sebelum tarikh tamat, tetapi ditipu, maka Jabatan Imigresen selepas mengkaji laporan polis dan mengkaji semua bukti itu, kita masih boleh menimbang majikan-majikan yang benar-benar ditipu itu supaya kita boleh regularisasikan mereka dengan dikenakan kompaun-kompaun yang munasabah, bukan seperti orang yang sengaja membuat kesalahan.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya, adakah setakat hari ini kementerian mengesan penyelewengan yang berlaku dan dilakukan oleh pihak Kedutaan di mana pekerja-pekerja asing itu didatangkan, kerana terdapat rungutan dan juga berita yang dikeluarkan bahawa terdapat kerjasama dengan kedutaan-kedutaan yang berkaitan untuk mengeluarkan dokumen-dokumen palsu ini. Kalau ada, apakah tindakan dan juga perancangan kerajaan di dalam mengatasi masalah tersebut?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada Kedutaan yang terlibat secara langsung. Mungkin apa yang didakwa ialah ada orang perseorangan yang telah menggunakan nama Kedutaan ataupun mereka bersubahat dengan sindiket-sindiket dengan memberikan satu gambaran seolah-olah macam Kedutaan yang menyeleweng. Dalam kes seperti ini, kalau sekiranya ada laporan polis, kita akan siasat mengikut undang-undang yang sedia ada.

#### **KLINIK PAKAR HOSPITAL SANDAKAN - PEMBINAAN**

**9. Tuan Lau Ngan Siew [Sandakan]** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada kerja pembinaan oleh kontraktor yang membina hospital poliklinik Sandakan telah dilaksanakan dengan lancar dan mengikut jadual. Kalau tidak, apakah yang menyebabkan kelewatannya.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Klinik Pakar Hospital Sandakan dan bukan Hospital Poliklinik Sandakan.

Klinik Pakar Hospital Sandakan diserahkan tapaknya kepada kontraktor pada bulan Mei 1996 dengan tarikh jangka siap projek pada Februari 1998. Pada peringkat awal, pelaksanaan projek ini menghadapi masalah kerana kerja-kerja cerucuk yang memerlukan kerja 'micro piling' yang sesuai dengan kajian tanah juga bagi mengurangkan gegaran untuk menjaga keselamatan bangunan-bangunan berdekatan.

Kontraktor pada mulanya menghadapi masalah untuk mendapatkan pakar 'micro piling' dan cuaca di Sandakan pada sepanjang akhir tahun 1996 dilaporkan buruk yang juga menjejaskan pelaksanaan projek. Projek ini sekarang sudah 11.4% siap dan dijangka akan terus berjalan lancar dengan siapnya kerja-kerja piling pada April ini.

#### **KELAS LOMPAT DARJAH 3 KE DARJAH 5 - RASIONAL**

**10. Tuan Hashim bin Ismail [Ledang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah rasionalnya langkah kementerian memperkenalkan kelas lompat daripada Darjah 3 ke Darjah 5 yang bererti mereka akan ketinggalan beberapa mata pelajaran baru yang diperkenalkan di Darjah 4. Adakah kerajaan masih ingin mengkaji perkara ini supaya kelas lompat itu hanya melibatkan murid-murid Darjah 2 melompat ke Darjah 4 sahaja.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan mempunyai rancangan untuk memberikan peluang kepada pelajar-pelajar yang lebih pintar supaya dapat menjalani pendidikan peringkat rendah dalam masa yang lebih singkat daripada enam tahun, sepertimana yang diamalkan pada masa ini. Peruntukan ini sebenarnya telah pun disediakan dalam Akta Pendidikan. Kementerian Pendidikan amat peka tentang hal ini dan sentiasa memantau pelaksanaan kelas melangkau ini.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah adakah kerajaan bercadang untuk menjadikan sistem ini sebagai satu yang flexible, dengan izin. Misalannya mungkin seorang murid Darjah Lima yang cerdas dan cerdik boleh dipertimbangkan untuk terus melompat ke Tingkatan 1, demikianlah juga di tahap-tahap yang lain.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tempoh ini ialah untuk setakat pendidikan rendah sahaja.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jika seseorang pelajar yang terpilih untuk masuk kelas lompat, tetapi apabila pelajar ini sampai ke Tahun Enam, keputusan UPSRnya kurang memuaskan. Apakah pelajar ini boleh dibenarkan untuk mengambil lagi sekali UPSRnya dan dikekalkan di Tahun Enam?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Memang diamalkan.

#### **PEGAWAI PENDAFTARAN PEMILIH - TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

**11. Tuan Radin Malleh [Tenom]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah tugas-tugas dan tanggungjawab Pegawai Pendaftaran mengikut Peraturan-peraturan (Pendaftaran Pemilihan) Pilihanraya, 1971 di antara tempoh pendaftaran bagi para pemilih yang layak didaftarkan semasa proses penyemakan Buku Daftar Pemilih sehinggalah ke proses mengadakan siasatan awam dan rayuan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, di antara tugas-tugas utama yang telah ditetapkan kepada Pegawai Pendaftaran ketika urusan Pendaftaran Pemilih dan Penyemakan Daftar Pemilih dijalankan ialah menerima permohonan untuk mendaftar sebagai pemilih dari permohonan yang layak, mempamerkan Rang Daftar Pemilih, menerima tuntutan dan bantahan, mengendalikan siasatan awam bagi memutuskan bantahan di mana sesuai, di samping lain-lain tugas yang digariskan oleh peraturan-peraturan Pendaftaran Pemilih Pilihanraya bagi Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

**Tuan Radin Malleh:** Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kerajaan akan menganjur satu kursus dari masa ke semasa untuk kesemua Pegawai Pendaftaran dan juga Penolong-penolong Pegawai Pendaftaran supaya mereka lebih faham dan juga mengetahui tentang tugas dan tanggungjawab mereka tentang prosedur-prosedur yang akan diadakan mengikut Peraturan-peraturan (Pendaftaran Pemilih), Pilihanraya 1997, di aspek pendaftaran dan selepas pendaftaran, begitu juga semasa public enquiry ataupun rayuan diadakan?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, ini sememangnya menjadi amalan SPR memberikan kursus-kursus tertentu yang berkaitan dengan pendaftaran pemilih kepada Pegawai Pendaftaran, dan Pegawai Pendaftaran ini juga akan menyampaikan kursus-kursus mereka kepada Penolong Pegawai Pendaftaran dan pembantu-pembantu mereka di peringkat bahagian masing-masing. Setakat ini memang menjadi satu perkara yang mesti diberi kepada mereka, kerana ramai di antara Pegawai Pendaftaran dan juga Penolong Pendaftaran adalah selalu berganti-ganti. Dia tidak membuat sepanjang masa kerjanya sampai pencen, sebab Pegawai Pendaftaran ini berganti apabila mereka bertukar ke bahagian lain. Jadi, Pegawai Daerah atau Penolong Pegawai Daerah tempat itu, orang yang baru dilantik sebagai Pegawai Pendaftaran, jadi mereka mesti menempuh kursus-kursus yang kita nyatakan itu supaya mereka betul-betul faham mengenai dengan cara-cara membuat pendaftaran pemilih.

#### MUFLIS - BILANGAN INDIVIDU MUFLIS TAHUN 1994, 1995 DAN 1996

12. Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab] minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan muflis yang telah diisytiharkan pada tahun 1994, 1995 dan 1996 dan bilangan yang telah dikeluarkan daripada senarai muflis pada tahun-tahun tersebut; dan
- (b) apakah tindakan yang sedang diambil untuk memastikan mereka yang muflis tidak dibenar menjadi pengarah syarikat.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan individu yang telah diisytiharkan bankrap bagi tahun 1994 - 5,780. Bagi tahun 1995 - 5,964, dan tahun 1996 - 6,711. Bilangan bankrap yang telah dilepaskan daripada kebangkrapan, bagi tahun 1994 - 2,294. Bagi tahun 1995 - 1,849, dan bagi tahun 1996 - 2,286.
- (b) Di bawah peruntukan seksyen 123(4) Akta Syarikat 1965, mana-mana individu yang ingin menjadi pengarah sesuatu syarikat mestilah membuat sesuatu akuan berkanun atau 'tertiary declaration', dalam borang 48A mengatakan antara lain, "bahawa beliau bukanlah seorang bankrap." Borang 48A

ini mestilah difailkan dengan Pegawai Pemegang Harta, Jabatan Pemegang Harta. Jabatan Pemegang Harta akan membuat carian ke atas borang 48A tersebut sekiranya didapati bahawa pengarah adalah bankrap, Jabatan Pemegang Harta akan memaklumkan kepada Pendaftar Syarikat untuk diambil tindakan pendakwaan.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sahabat saya Timbalan Menteri. Dalam banyak kes ramai tokoh perniagaan yang membankrapkan diri mereka. Walaupun diisytiharkan bankrap tetapi masih duduk di rumah banglow, masih mempunyai tiga-empat biji kereta. Walaupun cara perundangannya mereka tidak boleh memiliki semuanya itu, tetapi mereka menggunakan penama atau dengan izin, nominee. Apakah tindakan Jabatan Perdana Menteri untuk menangani permasalahan ini?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada undang-undang yang membolehkan kita untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang kononnya didakwa menjadi nominee kepada mereka yang bankrap. Oleh kerana itu, kita lihat apabila seseorang itu apabila kadangkala dia membankrapkan diri dia, ini satu perkara yang tidak boleh kita menahan mereka. Kerana selain daripada menjadi bankrap itu, ada perkara-perkara lain yang mungkin menjadi satu faktor yang menyebabkan orang tidak mahu membankrapkan diri mereka kerana faktor malu untuk duduk dalam masyarakat.

Tetapi sepertimana Yang Berhormat dari Bagan Datok sebutkan tadi, ada juga golongan dalam masyarakat kita ini yang mukanya tebal dan mereka membankrapkan diri mereka, maka kita tidak ada apa-apa yang boleh kita lakukan di bawah undang-undang yang ada pada hari ini.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Bagi mengatasi masalah-masalah yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bagan Datok tadi, saya rasa Akta Kebankrapan kita yang ada pada hari ini adalah tidak terperinci, tidak mempunyai peruntukan-peruntukan khusus yang menghalang daripada perkara-perkara yang disebutkan itu berlaku. Sebagai contohnya, ada peruntukan yang menyatakan bahawa harta si bankrap tidak boleh dipindahkan dalam satu tempoh tertentu sebelum daripada tarikh judgement bankrap itu berlaku. Tetapi tempoh itu adalah terlalu singkat sehingga membolehkan mereka sebelum daripada itu

memindahkan harta mereka. Jadi, adakah pihak kerajaan berhasrat untuk mengkaji secara terperinci peruntukan-peruntukan Akta Kebangkrapan kita yang ada dan memperbaiki kelemahan-kelemahan bagi mengatasi masalah-masalah tadi?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum bahawa undang-undang adalah merupakan satu perkara yang hidup dan kita sentiasa boleh meminda undang-undang ....

**Seorang Ahli:** Tidak dengar!

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak dengar? Mikrofon teruk!

Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu iaitu undang-undang kita adalah merupakan satu yang dinamis dan ianya merupakan undang-undang yang dipraktikkan mengikut 'trial and error' dan apabila sampai ketika apabila perlu pindaan dibuat untuk memperbaiki dan memperkemas undang-undang supaya melicinkan perjalanan, saya percaya kerajaan sentiasa terbuka untuk meminda undang-undang yang ada sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Setahu saya, seorang creditor boleh membawa orang yang meminjam itu ke mahkamah kalau sekiranya dia boleh prove kata transaksi itu ialah transaksi yang tak betul dan hanya hendak menjadikan sebagai nominee. Setahu saya boleh dibuat begitu.

#### LAPANGAN TERBANG BINTULU - PERKEMBANGAN PEMBINAAN PROJEK

13. **Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan kedudukan terakhir projek pembinaan lapangan terbang baru Bintulu kerana menurut jawapan kepada soalan Parlimen yang dikemukakan sebelum ini bahawa tawaran kerja akan dikeluarkan pada awal 1997. Memandangkan disegerakan pembinaan lapangan terbang baru di Bintulu bagi mengelakkan kemalangan yang pernah berlaku di Tawau berulang di sini dan bolehkan projek itu disiapkan menurut jadual.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rekabentuk terperinci kejuruteraan yang disediakan oleh juruperunding bagi projek ini telah pun diluluskan oleh kerajaan pada bulan Januari 1997. Pada ketika ini juruperunding adalah dalam proses memuktamadkan butir-butir rekabentuk

terperinci termasuk dokumen tender untuk disampaikan kepada Malaysian Airport Berhad.

Sebagai makluman, kerajaan telah memutuskan supaya projek ini dibiayai dan dilaksanakan oleh Malaysian Airport Berhad dan Malaysian Airport Berhad boleh memproseskan tender bagi projek ini sebaik sahaja dokumen-dokumen rekabentuk dan tender diserahkan kepadanya oleh kerajaan.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri bilakah projek ini akan disiapkan dan jumlah yang akan dibelanjakan untuk pembinaan lapangan terbang ini?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, jika semuanya berjalan dengan teratur daripada masa tender dikeluarkan dan dipersetujui, projek ini boleh disiapkan dalam tempoh dua tahun. Belanja lebih kurang RM260 juta.

#### KEMALANGAN JALAN RAYA DI HULU LANGAT - USAHA MENGATASI

14. **Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah pihaknya bercadang mengadakan program dan peruntukan khas untuk membendung dan mengatasi masalah kemalangan jalan raya di Hulu Langat yang telah diisytiharkan oleh kementerian sebagai johan kemalangan maut pada tahun 1996. Sila berikan perincian mengenai kemalangan maut berkenaan meliputi jenis kenderaan terlibat, puncanya, jumlah mangsa dan jumlah kerugian.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan Yang Berhormat, perangkaan kemalangan jalan raya pada tahun 1996 bagi daerah Kajang di mana letaknya kawasan Hulu Langat, daerah ini mempunyai kadar kematian yang ketiga tertinggi dalam negeri Selangor.

Kementerian Pengangkutan tidak bercadang mengadakan program ataupun peruntukan khas untuk menangani isu kemalangan jalan raya di Hulu Langat. Apa yang telah kita lakukan pada masa lepas adalah yang dianjurkan oleh tiga pertubuhan belia iaitu Gerakan Belia 4B, YMM dan juga Tamil Bell yang disokong oleh kementerian dan juga Majlis Keselamatan Jalan Raya serta Kerajaan Negeri Selangor dan juga Majlis Perbandaran ataupun Majlis Daerah Hulu Langat dan juga Universiti Pertanian Malaysia.

Walau bagaimanapun, peruntukan untuk projek ini boleh diambil daripada peruntukan yang telah

pun diperuntukkan kepada Majlis Daerah ataupun kepada Majlis Keselamatan Jalan Raya Negeri Selangor. Saya ingin juga menyatakan bahawa bagi daerah Kajang, perangkaan kemalangan jalan raya bagi tahun 1996 adalah seperti berikut:-

Jumlah kemalangan	-	5,733
Jumlah kematian	-	194
Jumlah cedera parah	-	19
Jumlah cedera ringan	-	785

Jenis kenderaan terlibat bagi kemalangan maut ialah motosikal - 112, kereta - 8, teksi - 1, kenderaan berat - 9.

Berhubung dengan jumlah kerugian akibat kemalangan jalan raya di Hulu Langat tidak dapat dianggarkan kerana ianya memerlukan penelitian yang terperinci.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut selesai.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4 dan 15 hingga 46 dijilid dalam buku berasingan]*

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### **RANG UNDANG-UNDANG BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD 1997**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pemindahan kepada dan bagi perletakhakan harta, hak dan liabiliti Bank Simpanan Nasional pada suatu Syarikat Bank Simpanan Nasional Berhad bagi pengawalseliaannya dan untuk membuat peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berhubungan dengannya dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### USUL

### **UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kesembilan.” [26hb. Mac 1997]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Marang, sila sambung.

3.36 ptg.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Wassalamuhada manittaba'al huda.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya menyentuh tentang aspek pendidikan. Di mana saya menegaskan di mana pendidikan bukan seperti barangan yang boleh diimport dan dilaksanakan dengan begitu sahaja tanpa mengambil kira hal-hal yang berlaku dalam negara kita, realiti yang wujud di dalam masyarakat dalam negara kita.

Kita perlu menyedari betapa dunia kini dilanda gejala moral yang terlalu ketara termasuk di negara-negara yang dikatakan mencapai kemuncak kemajuan dan tamadun duniawi.

Negara Malaysia juga dilanda banjir tersebut sehingga akhir-akhir ini menjadi perbualan dan perbincangan semua pihak, bahkan gejala tersebut melanda semua pihak. Dalam perkara ini ilmu tidak boleh dipersalahkan, begitu juga naluri manusia, fitrah insaniah, kurnia Allah kepada manusia, tidak boleh dipersalahkan. Tetapi kesilapannya ialah meletakkan ilmu tidak di atas prinsipnya yang betul dan lari daripada matlamatnya yang tepat sehingga diasingkan daripada iman yang sebenar dan akhlak yang mulia kerana mencontohi Barat secara melulu yang dirasakan menjadi suri teladan untuk mencapai kemajuan dan kemuliaan.

Sehingga ini langkah meminda dasar pendidikan tidak dilakukan, bahkan pihak kerajaan terus mempertahankan apa yang ada dengan pindaan yang tidak melibatkan dasar ke arah pembangunan manusia yang sebenarnya dan pendidikan telah menjadi bahan pengkorporatan dengan batas yang sangat rapuh.

Kami telah mengingatkan kerajaan sejak beberapa tahun dan berulang kali tentang gejala keruntuhan akhlak dengan beberapa cadangan yang dikemukakan, tetapi suara kami dipinggirkan sehinggalah pemimpin kerajaan melihat keadaan sudah seperti tidak terkawal.

Kami meragui keikhlasan pihak kerajaan di dalam menangani masalah ini kerana dalam masa yang sama, pihak kerajaan juga yang memberi kebenaran kepada pusat-pusat hiburan dan kegiatan yang menjadi sumber keruntuhan akhlak remaja dan pemimpin negara tidak boleh menjadi contoh dan teladan, bahkan slogan 'Kepimpinan Melalui Teladan' yang pernah dilaungkan hanya tinggal menjadi kenangan sahaja.

Apabila yang dilihat adanya pemimpin-pemimpin politik yang mengetuai golongan remaja dalam pesta-pesta gila, menyambut tahun baru di Dataran Merdeka dan meluluskan konsert-konsert liar seperti Konsert Michael Jackson dan lain-lain dengan

alasan-alasan yang tidak munasabah seperti kerana belia kita telah mempunyai ketahanan moral, kekebalan peribadi dan lain-lain .....

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Azmi bin Khalid]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sekejap Yang Berhormat, ada yang bangun! Ya.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Marang. Dia menyalahkan pemimpin-pemimpin kerajaan dalam ucapannya. Saya meminta penjelasan dari segi pendapatnya mengenai Anugerah Al-Malek Faisal kepada Yang Berhormat Perdana Menteri Malaysia baru-baru ini. Di manakah letaknya penganugerahan itu kepada pemimpin-pemimpin daripada parti PAS. *[Tepuk]*

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan sebutkan kemudian dan anugerah itu diberi kepada beberapa kalangan, bukan sahaja kepada Perdana Menteri Malaysia bahkan diberi kepada tokoh-tokoh yang bukan Islam, yang melibatkan berbagai-bagai bidang dan ianya mempunyai beberapa perhitungan dan insya-Allah, di dalam penjelasan yang akan saya sebut dalam ucapan saya nanti, akan dapat difahami oleh Yang Berhormat. Saya akan sebutkan kemudian.

**Dato' Azmi bin Khalid:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri jalankah, ada dua orang bangun lagi?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, bukankah anugerah berkenaan dikhususkan atas usaha-usaha kerajaan dalam bidang mengembangkan Islam sejagat?

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Di sana terdapat beberapa aspek yang perlu diambil kira dalam penganugerahan tersebut dan di sana terdapat kontradisi yang nyata di mana Al-Malek Faisal memperjuangkan penentangan terhadap zionisme sehingga akhir hayatnya, tetapi adalah tidak munasabah orang yang menerima pingat dan medal tersebut menerima kedatangan pasukan kriket Israel, yang ini saya akan terangkan kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan meluluskan konsert-konsert liar dengan alasan-alasan yang tidak munasabah, seperti kerana belia kita telah mempunyai ketahanan moral, kekebalan peribadi dan lain-lain. Tetapi dalam masa yang lain, orang

yang sama mengeluh tentang telatah keruntuhan akhlak, penangkapan berlaku ke dalam sekolah-sekolah menengah.

Terdapat beberapa perkara negatif yang perlu diatasi dalam sistem pendidikan yang diamalkan sekarang. Di antaranya, yang pertama, tidak meletakkan nilai ilmu di tempat utama.....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:**  
[Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yan bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Nanti saya habiskan dahulu. Yang pertama, tidak meletakkan nilai ilmu di tempat utama.....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, habis bila? Habis ucapankah?

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:**.....apabila kebanyakannya tidak yakin dengan keperluan ilmu bagi keperibadian diri dan pembangunan negara. Belajar kerana dipaksa untuk mengisi masa kosong, bukannya kerana tanggungjawab.

Yang kedua, kelemahan hubungan di antara guru dan murid sehingga ke peringkat tidak ada penghormatan kepada guru, maka berlakulah tidak hormat kepada peraturan dan disiplin dan guru tiada kehebatan sehingga ke peringkat membelasah guru dan sebagainya.

Yang ketiga, tidak wujud budaya masyarakat ilmu di kalangan pelajar, seperti semangat terhadap ilmu, bertolong-menolong sesama mereka dalam perkara ilmu, minat membaca yang rendah dan lain-lain. Walaupun kita pernah mengadakan anjuran kempen menggalakkan pembacaan, tetapi tidak mendapat sambutan yang menggembirakan dan sangat menggalakkan.

Gejala-gejala ini menjadi punca kepada sekolah-sekolah boleh ditembusi oleh gejala-gejala luar yang tidak sihat sehingga memberi kesan bukan sahaja dalam aspek pelajaran tetapi juga dalam pendidikan dan moral.

Beratus-ratus juta ringgit telah dibelanjakan untuk program Rakan Muda. Oleh kerana ia dirancang begitu rupa tanpa berasaskan pendekatan Islam, maka ia gagal. Malahan terdapat di kalangan program Rakan Muda itu sendiri mendedahkan kepada pergaulan bebas dan kebanyakan programnya tidak mempunyai roh Islam dan akhlak mulia walaupun ada program Rakan Masjid yang bertujuan untuk

mendekatkan remaja kepada masjid telah gagal kerana program tersebut telah ditewaskan, ditenggelam oleh lebih banyak program yang lain yang dikira boleh menimbulkan keseronokan mudamudi bergaul bebas.

Walaupun Menteri di Jabatan Perdana Menteri pernah memuji sekolah-sekolah rendah dan menengah agama kerajaan dan rakyat kerana dapat menangkis gejala sosial, bahkan sekolah-sekolah agama yang mempunyai disiplin dan roh Islam yang tinggi itu dicadangkan untuk menjadi contoh kepada sekolah-sekolah yang lain, tetapi pihak yang berkenaan dalam bidang pendidikan nampaknya diam membisu sahaja.

Kita perlu menyedari betapa media massa elektronik dan cetak masih tidak memainkan peranan yang besar dalam memerangi keruntuhan akhlak, bahkan sebahagian besarnya.....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:**  
[Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yan bangun, hendak berjalankah?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat dari Marang. Saya ingin minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa anak-anak itu adalah amanah Allah S.W.T. kepada ibu dan bapa. Jadi, tanggungjawab sebenarnya kepada ibu dan bapa. Kerajaan hanya dapat membantu dan membimbing serta cuba mengelak seberapa banyak gejala yang boleh. Jadi, di sini Yang Berhormat semata-mata menyalahkan kerajaan dan tidak langsung menegur kesilapan dan kelemahan ibu bapa untuk membimbing anak-anak.

Di sinilah sekali lagi saya ingin menyarankan bahawa agar parti Yang Berhormat, pertamanya membimbing anak-anak buah supaya gejala makihamun di kampung dan di bandar ini dihentikan. Ini adalah satu daripada gejala yang tidak senonoh dan tidak bersopan dari segi orang-orang Islam kita. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, saya perlu menjelaskan bahawa anak-anak menjadi amanah kepada ibu bapa, menjadi amanah kepada masyarakat, menjadi amanah kepada kerajaan dan menjadi amanah kepada semua pihak. Oleh kerana saya bercakap dengan kerajaan, maka saya menyebutlah kerajaan. Kalau saya bercakap dengan ibu bapa dalam PIBG, saya boleh bersyarah kepada ibu bapa. Oleh kerana

saya berdepan dengan kerajaan, maka terpaksa saya menyebut dan memberi nasihat kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu menyedari betapa media massa elektronik dan cetak masih tidak memainkan peranan yang besar dalam memerangi keruntuhan akhlak, bahkan sebahagian besarnya masih terus menjadi sumber kepada keruntuhan akhlak dengan penonjolan bahan-bahan lucu yang masih ketara. Kementerian Penerangan masih berterusan dengan ketidakmampuannya untuk mengawal program-program TV di bawahnya sendiri supaya tidak dibolosi oleh unsur-unsur negatif. Maka bagaimanakah ia boleh menangani perkembangan oleh pihak swasta dan lebih tidak berkemampuan lagi untuk menghadapi cabaran zaman teknologi maklumat yang lebih canggih.

Kita merasa sedih kerana pihak Kementerian Dalam Negeri juga masih membenarkan majalah-majalah dan akhbar-akhbar yang memaparkan kelucuhan mengikut ajaran semua agama yang dianut oleh rakyat Malaysia. Langkah menghalang pengunjung ke pusat-pusat hiburan dan tempat-tempat maksiat memang boleh dialu-alukan, tetapi ia hanya menjadi salah satu daripada beberapa cara yang wajib dilaksanakan, bukan seluruhnya. Kita perlu juga melaksanakan cara-cara yang lain kerana tindakan menangani masalah mestilah menyeluruh, termasuklah membatalkan lesen dan kebenaran kepada tempat-tempat yang menjadi punca maksiat itu. Kita tidak mahu adanya tempat maksiat yang dihalalkan kerana berlesen dan berkebenaran dan ada yang diharamkan kerana tanpa lesen dan kebenaran oleh pihak yang berkenaan, bukannya mengikut ukuran agama dan moral yang mulia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengawal keadaan dan mengubati penyakit masyarakat mestilah juga dipayungi oleh undang-undang yang berkesan. Berkembangnya jenayah dan keruntuhan akhlak menandakan kelemahan undang-undang Barat yang diamalkan sekarang, bahkan di negara-negara Barat sendiri dilanda oleh masalah yang lebih berat daripada kita. Di Amerika, kadar jenayah dihitung mengikut minit menandakan kegagalan mereka dalam menangani masalah dan mereka tidak boleh menjadi dan dijadikan contoh dalam perkara ini. Maka kerajaan hendaklah kembali kepada undang-undang Islam. Kalau tidak faham, manfaatkan daripada badan-badan Islam yang telah ditubuhkan oleh kerajaan, seperti IKIM, jabatan-jabatan agama dan lain-lain untuk berusaha ke arah melaksanakan

undang-undang Islam secara menyeluruh.

Kita hendaklah menyedari bahawa kegagalan undang-undang Barat ialah kerana ia tidak mempunyai roh walaupun tindakannya begitu keras dan tegas, seperti hukuman mati mandatori kepada pengedar-pengedar dadah dan pemilik senjata api tanpa lesen, namun masalah dadah terus dalam keadaan yang dahsyat dan kadar jenayah juga meningkat sehingga ke tahap berani membunuh anggota polis yang menguatkuasakan undang-undang. Yang sangat malang lagi, ada yang melibatkan anggota keselamatan. Bukan kerana kesalahan mereka semata-mata, tetapi oleh kerana banjir kemungkar yang berlaku yang tidak boleh ditahan oleh jiwa dan semangat yang tidak kebal.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Islam mempunyai undang-undang yang keras dan tegas di dalam jenayah-jenayah tertentu sehingga dinyatakan secara nas, seperti hukuman khisas dan hudud, tetapi Islam lebih mengutamakan tindakan pencegahan daripada awal-awal lagi secara penekanan melalui pendidikan dan menghapuskan punca-punca maksiat dan juga menggalakkan seseorang itu bertaubat tanpa diambil tindakan undang-undang. Kalau yang berkaitan dengan sesama manusia digalakkan bermaafan tanpa diseret ke mahkamah. Kalau dibawa ke mahkamah, orang yang dituduh dianggap tidak bersalah lagi sehingga dibuktikan pengakuannya secara sukarela, bukannya dipaksa dan hakim-hakim pula berusaha untuk mencari alasan seberapa mungkin untuk tidak menjatuhkan hukuman.

Tuan Yang di-Pertua, kegagalan undang-undang Barat dalam menangani masalah kerana ianya tidak mempunyai roh, tidak berkait dengan dosa pahala dan pembalasan di hari akhirat kepada individu, penjenayah, para hakim, saksi dan pihak yang berkenaan di dalam kerajaan. Maka undang-undang yang ada dan dipakai hari ini lebih bersifat lahiriah sahaja tanpa kemampuan. Untuk menguasai hati nurani manusia dan jiwa mereka walaupun hukumannya sangat keras, seperti hukuman bunuh mandatori tetapi kesannya tidak mendidik. Oleh itu, saya tetap tidak bersetuju cara hukuman mandatori terhadap pengedar dadah dan pemilik senjata api yang ada sekarang kerana tiada peluang taubat, memberi keinsafan dan tidak mendidik dan tidak memenuhi syarat-syarat untuk dilaksanakan secara menjamin keadilan itu berlaku dengan tepat, seperti yang dikehendaki oleh kemanusiaan dan oleh Islam seperti syarat-syarat pengakuan, saksi dan sebagainya.

Sejarah kegemilangan Islam telah membuktikan berlakunya perubahan besar di dalam masyarakat awal Islam yang menjadi contoh apabila mencapai kejayaan, mengubah masyarakat yang bergelumang dengan maksiat, jenayah, berbagai-bagai kemungkar dan tidak bertamadun, tiba-tiba telah mengubah mereka kepada keadaan yang paling baik dalam sejarah manusia. Maka sudah tiba masanya kita kembali semula kepada penyelesaian Islam untuk kebaikan sejagat.

Oleh itu, saya mencadangkan supaya pihak kerajaan melalui kuasa pemerintahan dan pengaruh yang ada pada tangannya mengembalikan kedaulatan undang-undang Islam dengan memulakan kajian secara mendalam. Melalui kepakaran yang ada di dalam badan-badan Islam, pertubuhan-pertubuhan Islam dan pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini meneruskan penguasaan undang-undang Barat adalah bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah yang hendak dipelihara kemurniaannya seperti yang ditegaskan di dalam Titah Baginda Yang Di-Pertuan Agong, kerana ia termasuk di dalam perkara syirik.

Apabila seseorang Islam itu berikrar dengan Dua Kalimah Syahadat dan menolak syirik, mengikut Ahli Sunnah Wal-Jamaah, mestilah mengesakan Allah S.W.T pada dzatnya, nama-namanya, sifat-sifatnya dan hukum perundangannya. Di sana ada perkara-perkara yang diserahkan kepada manusia untuk mengendalikan masalah mereka dengan menggunakan akal kurniaan Tuhan, melalui kajian dan pengalaman yang berlaku dalam masyarakat dan di sana ada keputusan-keputusan yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. Dan menjadi haknya seperti penentuan halal dan haram, perkara ibadat yang diwajibkan dan disunatkan, hukum-hukum yang dinaskan di dalam aspek ekonomi, politik dan termasuklah juga perundangan seperti hukuman 'qisas dan hudud'. Maka kita tidak dibolehkan meminda atau membatalkan atau menggantikannya dengan yang lain, kalau melakukannya juga, maka bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

Firman Tuhan secara tegas di dalam perkara ini yang bermaksud; "Adakah mereka mempunyai sekutu-sekutu? Yakni Tuhan-tuhan yang lain daripada Allah S.W.T? Yang mengadakan hukum syariah dalam perkara yang tidak diizinkan oleh Allah S.W.T."

Firman Tuhan kepada golongan ahli kitab Yahudi dan Kristian yang bermaksud; "Katakan

wahai ahli kitab, marilah kepada kalimah yang sama di antara kami dan kamu, bahawa kita tidak boleh menyembah melainkan kepada Allah S.W.T sahaja dan tidak boleh mengambil, yakni melantik sesama kita menjadi Tuhan selain Allah S.W.T. Maka jika sekiranya mereka berpaling yakni tidak mahu mengikut, maka katakanlah sesungguhnya saksikanlah bahawa kami adalah orang-orang yang menyerah diri kepada Allah S.W.T".

Para ulama tafsir menegaskan bahawa di antara memberi hak ketuhanan itu ialah mengadakan undang-undang sendiri dalam perkara-perkara yang telah dinaskan oleh Allah S.W.T. Oleh itu, tidak mencukupi hanya sekadar menaikkan taraf pada nama-namanya sahaja dengan nama baru Jabatan Kemajuan Islam, dengan diberi struktur organisasi dan fungsi yang baru, di samping penubuhan Jabatan Kehakiman Syarie Malaysia, tetapi undang-undang di bawah bidang kuasanya terhad dan masih wujud perkara-perkara yang tidak syarie menurut Islam seperti di dalam perkara jenayah syaria, di antaranya tidak berkemampuan kerana tidak diberi kuasa sepenuhnya untuk menangani gejala sosial, bahkan juga gejala akidah seperti murtad, yang boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya, di mana jabatan agama negeri-negeri dan Jabatan Perdana Menteri dalam Bahagian Kemajuan Islam ini tidak diberi kuasa yang sepatutnya dari segi pentadbiran dan undang-undang.

Saya juga ingin mengingatkan kerajaan bahawa meningkatkan lagi projek pelancongan tanpa kawalan yang berkesan juga akan memberi kesan kepada keruntuhan moral oleh kedatangan pelancong yang tidak ada mutunya, yang tidak ada nilainya, hanya untuk berseronok secara melulu. Terdapat di kawasan-kawasan berlakunya industri pelancongan, kemudahan maksiat seperti jualan-jualan arak, judi dan lain-lain, yang melibatkan orang-orang Islam dan kegiatan-kegiatan secara terdedah yang boleh mempengaruhi anak-anak muda kita.

Sebenarnya kerajaan boleh membuat peraturan-peraturan bagi mengawasi perkara ini bukan untuk menyekat pelancong semata-mata, bahkan saya sangat bersetuju dengan galakan kepada industri pelancongan, di antaranya pelancongan domestik. Tetapi pengawasan terhadap pelancongan khususnya pelancong asing supaya tidak terbolos perkara negatif terhadap kemurniaan dan kemuliaan moral kita yang menjadi salah satu daripada aspek maruah bangsa, negara dan sebahagian daripada aspek keamanan dan keselamatan.

Penekanan kepada memperkenalkan kemurniaan Islam, kemurniaan budi dan akhlak Timur, alam semula jadi kurniaan Tuhan kepada kita, kepada pelancong sepatutnya menjadi aspek penting dalam aktiviti pelancongan bukan hanya kerakusan untuk mendapat pulangan kewangan tanpa batas dan sempadan lagi.

Dalam kesungguhan pihak kerajaan untuk melaksanakan projek Koridor Raya Multimedia yang dianggap menjadi usaha terpenting di akhir-akhir ini, yang disebut secara tegas dalam Titah Ucapan. Kita mengingatkan kerajaan betapa perlunya diambil kira usaha yang segigih-gigihnya menangani aspek-aspek negatif yang boleh melanda akidah dan akhlak, kerana sebarang kebocorannya akan meranapkan generasi yang membawa kerugian, yang tidak boleh dibayar oleh pulangan kebendaan, yang akan didapati oleh segelintir orang di dalam kerajaan atau beberapa kalangan sahaja. Bahkan kegagalan kerajaan di dalam memelihara rahsia kerajaan, strategi keamanan dan keselamatan negara yang bocor oleh teknologi maklumat itu akan membawa padah akibatnya yang besar juga. Oleh kerana itu, kita dapati negara-negara yang lebih berkemampuan dengan kepakaran dan sumber-sumbernya berhati-hati dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan langkah kerajaan seperti yang pernah saya ucapkan dalam persidangan yang lalu untuk merombak sektor pertanian negara untuk menjadikannya pembekal makanan dalam negara dan bahan mentah kepada industri seperti yang dilakukan oleh kebanyakan negara-negara maju dalam dunia.

Kerajaan perlu mempunyai strategi jangka panjang. Untuk tujuan itu dengan memanfaatkan sumber semula jadi yang sedia ada secara teratur tanpa rakus dan strategi jangka pendek seperti menyelarkannya dengan membela petani-petani dan nelayan-nelayan kecil supaya mereka tidak dijejaskan dan dikejutkan oleh penindasan yang dilakukan oleh pihak-pihak yang tertentu seperti tidak menangani masalah kekurangan tanah milik dan tidak menyelesaikan masalah tanah sehingga terpaksa meneroka tanah-tanah yang dinamakan tanah haram. Dan nelayan-nelayan kecil pula berdepan dengan armada nelayan besar sama ada asing atau dalam negeri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menegaskan satu isu yang diperkatakan iaitu berhubung dengan kedatangan rombongan kriket Israel. PAS menentang kebenaran rombongan kriket Israel oleh pihak kerajaan. Hujah untuk

memberi pengajaran adalah tidak tepat, kerana orang-orang Yahudi telah diberi pengajaran yang lebih daripada itu oleh kitab suci mereka sendiri. Firman Tuhan yang bermaksud; "Orang-orang yang kami berikan kepada mereka akan kitab, mereka mengetahui kedatangan Rasulullah s.a.w, tetapi mereka sengaja menyembunyikan kebenaran, pada hal mereka mengetahuinya".

Palestin di zaman pemerintahan Islam tidak memaksa dan melarang orang-orang Yahudi melakukan upacara agama mereka, kerana Islam menganggap perkara itu hak mereka yang tidak boleh diganggu dan mereka juga tidak boleh mengganggu hak orang lain. Islam meletakkan hak umat Islam daripada bumi Palestin sangat besar, sangat mulia dan berharga kerana ia menjadi warisan para ambia 'alihi musolatu wasalam' yang wajib dijaga amanahnya oleh umat Islam, tanpa mengganggu hak orang-orang Yahudi dan Kristian untuk ke Palestin yang juga menjadi tanah suci mereka.

Sejarah telah membuktikan bahawa bangsa Yahudi tidak amanah di dalam memelihara Palestin dan mereka seringkali melakukan pencabulan sejak Nabi Musa a.s. yang disanjung oleh mereka juga sehinggalah ke akhir zaman dengan menodainya walaupun mengikut ajaran agama mereka sendiri dan seringkali mengganggu penganut-penganut agama lain dan terlibat dalam jenayah politik, ekonomi dan moral antarabangsa.

Perkara terakhir, tindakan meroboh perkampungan orang-orang Palestin secara paksa, penahanan, pembunuhan dan pelbagai pencabulan terhadap hak asasi manusia bahkan sikap mereka terhadap Perjanjian Damai Asia Barat sangat negatif dan menuju ke arah memusnahkannya. Kita merasa bimbang dan kluatir dengan kebenaran rombongan kriket Israel ke Malaysia kerana ia termasuk dalam siri-siri tindakan kerajaan yang telah memulakannya dengan kebenaran melawat dan pertemuan kepada kalangan tertentu seterusnya menuju ke arah pengiktirafan negara haram Israel, tindakan secara begini adalah tidak mengambil kira perasaan umat Islam yang berakidah dan bermoral dan laknat Allah terhadap bangsa Yahudi, adakah kita mahu bersama di bawah laknat itu?

Negara-negara Arab yang telah mencuba mengadakan hubungan dengan Israel telah menghadapi masalah seperti tindakan Israel secara sengaja menyebarkan aspek-aspek maksiat, AIDS dan keselamatan negara terhadap negara-negara berkenaan. Alasan Perdana Menteri bahawa

kebenaran kepada rombongan kriket ini untuk memberi pengajaran kepada Israel adalah tidak munasabah. Bagaimana mereka boleh menerima pengajaran daripada Malaysia sedangkan mereka tidak menerima pengajaran daripada kitab suci mereka sendiri dan terus-menerus dengan sikap kebongkakan termasuk berhubung dengan kota suci Baitulmaqdis yang menjadi salah satu tempat suci umat Islam dan menjadi ancaman kepada haramin - dua tanah suci haram Mekah dan Madinah masih dicatit dan dipaparkan di Parlimen mereka bahawa yang menjadi negara impian mereka dari lembah Nil sehingga Ugreb termasuk Selatan Al-Madinatul Munawarah.

[Timbalan Yang diPertuan *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, Parti Islam SeMalaysia membantah sekeras-kerasnya kehadiran pasukan kriket Israel ke Malaysia dan merasa tersentak dengan kerajaan kerana mengeluarkan visa kepada rakyat Israel sedangkan Malaysia tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan regim tersebut. Tindakan kerajaan yang tidak sensitif sangat mendukacitakan umat Islam kerana sikap demikian menunjukkan tidak bersimpati dengan rakyat Palestin.

Amat mendukacitakan ketika regim zionis bertindak merampas kawasan-kawasan Palestin bagi menjadikan kawasan penempatan Yahudi di Baitulmaqdis Timur, Malaysia tanpa segan silu memberi laluan kepada rakyat Israel atas nama mewakili negara haram tersebut menjejak kakinya di sini. Ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan sudah 'berlonah' dengan zionis sambil menggadaikan prinsip kemusiaan dan keadilan. Ini menunjukkan imej Malaysia yang dikenali sebagai negara prihatin terhadap isu Dunia Ketiga sudah terjejas. Umat Islam Malaysia adalah tegas menentang kewujudan negara zionis kerana ia suatu yang dipaksa ke atas umat Islam Palestin.

Justeru itu, Malaysia yang terkenal dihormati dengan sikap tegas tidak mengiktiraf regim haram itu hingga ke saat ini tetapi dengan membenarkan pasukan Kriket Israel menjejak kaki ke Malaysia seolah-olah telah mengiktiraf Israel sebagai sebuah negara sedangkan kewujudan Israel hasil dari keganasan dan perampasan hak ke atas umat Islam Palestin. Kita berharap Perdana Menteri yang baru sahaja menerima anugerah Al-Malek Faisal supaya menghormati perjuangan Al-Malek Faisal yang berjuang menentang Yahudi tanpa tunduk kepada tekanan dan menyatakan cita-citanya untuk melihat

Baitulmaqdis dibebaskan daripada Yahudi dan bersembahyang di Baitulmaqdis setelah dibebaskan bukannya untuk melancong semata-mata. Penjelasan yang diberi oleh kerajaan menunjukkan kedangkalan dalam memahami kedurjanaan zionisme dalam kegiatan antarabangsa, politik, ekonomi, perfileman dan sukan.

Walaupun sukan dianggap terpisah daripada politik tetapi ada perkara-perkara politik sama ada untuk kebaikan atau keburukan sehingga menggadaikan maruah melalui padang golf dan meja ping pong. Ketegasan kerajaan dalam menangani masalah-masalah Bosnia-Herzegovina sepatutnya dipanjangkan juga dalam menangani masalah Palestin, Kashmir dan lain-lain supaya benar-benar menjadi sikap Islam yang menjadi agama Persekutuan, bukannya kepentingan yang lain ataupun dipengaruhi oleh politik order baru dunia tajaan Amerika selepas era perang dingin.

Di mana letaknya maruah kerajaan Malaysia yang kelihatan segera sensitif dengan isu-isu seperti kenyataan Menteri Kanan Singapura baru-baru ini memperlecehkan negara kita secara menghina tanpa menyedari mereka juga mempunyai kelemahan yang banyak untuk didedahkan dan boleh didedahkan tetapi cara demikian tidak menghormati kejiranan, tidak mengenang budi bahkan Singapura mempunyai penasihat-penasihat tentera dan lain-lain daripada Israel dan menunjukkan sikap yang lebih jahat daripada itu seperti mencabuli ruang udara Pulau Batu Putih dan lain-lain yang mungkin lebih jauh daripada itu. Sepatutnya kita tidak berlaku double standard dalam menentukan sikapnya dalam masalah termasuk masalah Palestin. Maka PAS mendesak supaya kerajaan membatalkan visa serta mengusir pasukan regim haram Israel dari negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, PAS juga berharap supaya pihak kerajaan peka dengan perkembangan yang berlaku di Sudan yang dipaksa oleh kuasa-kuasa besar yang dipimpin oleh Amerika dan sekutu-sekutunya supaya tunduk kepada kemahuan mereka. Apabila Sudan menuju ke arah melaksanakan Islam dan menampakkan kejayaan yang besar dalam segala aspek, negara-negara jiran seperti Ethiopia dan Eritrea telah digunakan untuk menjadi pengkalan bagi menentang Sudan sehingga ke peringkat mencabuli perbatasan Sudan melalui ketenteraan. Nampaknya Barat tidak menghormati demokrasi dan hak asasi manusia sekiranya bukan untuk kepentingan mereka. Dan mereka sanggup melakukan apa sahaja untuk kepentingan mereka.

Kita mengharapkan supaya pihak kerajaan tidak tunduk kepada tekanan antarabangsa yang tidak menghormati keadilan dan kebenaran. Pihak kerajaan juga tidak jelas dalam menunjukkan sikap bagi menyokong perjuangan umat Islam di Chechnya yang berjuang untuk kemerdekaan dan kedaulatan tanah air mereka walaupun mereka telah mencapai sebahagian daripada kejayaan untuk mengadakan pilihan raya secara sah tetapi peluang untuk menentukan hak mereka sendiri diancam oleh Rusia yang menjajah dan tidak dihiraukan oleh masyarakat antarabangsa. Sudah banyak korban yang gugur, darah yang mengalir di bumi Chechnya, orang-orang yang dibuang daerah seperti Siberia dan lain-lain sehingga hari ini masyarakat antarabangsa termasuk yang dinamakan negara pejuang kebebasan dan demokrasi lebih menghormati Rusia yang ganas daripada bersimpati dengan penduduk yang ditindas.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya menyeru pihak kerajaan supaya memberi perhatian kepada beberapa peringatan dan pandangan yang dikemukakan untuk kebaikan semua pihak. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Gelang Patah.

4.08 ptg.

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang keemasan kepada saya untuk menyokong bersama-sama Ahli Yang Berhormat daripada Sungai Petani untuk mengambil ketetapan merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas limpah perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, berangkat mencemar duli ke Dewan yang mulia ini melafazkan titah Baginda yang penuh nasihat bagi membuka Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada isu komen seorang pemimpin kanan negara jiran terhadap keamanan di negeri Johor, dua lagi isu yang menjadi fokus liputan media kebelakangan ini ialah gejala sosial di kalangan remaja dan projek Koridor Raya Multimedia (Multimedia Super Corridor). Pada pengamatan saya masyarakat umum nampaknya lebih hangat membincangkan masalah keruntuhan akhlak pemuda pemudi daripada memberikan perhatian terhadap projek raksasa Koridor Raya Multimedia.

Ini adalah kerana masalah pemuda-pemudi menjadi liar telah menular ke setiap pelosok negara

dan kesannya dapat dirasai oleh setiap rakyat Malaysia sama ada secara langsung mahu pun tidak. Masalah sosial yang melanda golongan remaja ini tidak mengira kaum dan juga tidak mengenal latar belakang keluarga. Yang kaya mungkin terpicik dengan pil-pil ecstasy atau perlumbaan haram kereta dan motosikal, manakala yang kurang berada akan berikhtiar mendapatkan wang untuk berfoya-foya melalui berbagai saluran yang haram dan tidak bermoral.

Tuan Yang di-Pertua, pemuda-pemudi adalah pelapis kepada kepimpinan negara yang sedia ada dan mereka ini akan kita amanahkan untuk meneruskan kesinambungan perjuangan kita. Pada hakikatnya rangka Wawasan 2020 menjadikan mereka golongan sasaran yang utama. Oleh yang demikian, kita harus memahami sedalam-dalamnya gejala-gejala sosial yang sedang berleluasa di kalangan remaja sebelum strategi yang berkesan dapat diatur.

Kita mesti mengetahui bahawa masalah keruntuhan akhlak pemuda-pemudi bukannya satu masalah yang muncul dalam masa satu atau dua tahun kebelakangan ini. Masalah ini sudah mula menjelma pada penghujung tahun lapan puluhan atau mungkin lebih awal daripada itu dan bertambah kritikal tahun demi tahun.

Mungkin kadar pertumbuhannya lebih hebat daripada kadar pertumbuhan ekonomi negara kita. Dalam masa hampir 10 tahun ini, bukannya kita tidak pernah mendengar cadangan atau rancangan untuk membendung masalah ini daripada terus merebak. Persoalannya sekarang ialah, kenapakah masalah ini tidak dapat diredakan atau sekurang-kurangnya dicegah daripada menjadi bertambah serius?

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun-tahun lapan puluhan, ponteng sekolah sudah dianggap sebagai satu kesalahan yang amat serius, tetapi pada hari ini pelajar-pelajar kita bukan sahaja berani ponteng sekolah secara beramai-ramai dan secara terang-terang, malah juga berani melakukan keganasan ke atas pelajar sebaya sehingga membawa maut seperti yang berlaku dalam satu incident di Johor Bahru baru-baru ini.

Pada pendapat saya, kegagalan kita menangani masalah ini pada tahun-tahun yang lepas adalah kerana tindakan atau strategi yang diambil selalunya bersifat sementara dan kurang menyeluruh. Ada kalanya objektif yang hendak dicapai memang senang diujahkan dan sedap didengar, tetapi dari segi pelaksanaannya, banyak timbul kekurangan dan kelemahan.

Semua pihak, sama ada pihak kerajaan, ibu bapa mahu pun masyarakat umum harus mengenali dan mengakui bahawa salah satu daripada kesilapan kita selama ini ialah kita gagal memperimbang antara usaha kita mengejar kemajuan kebendaan dengan perhatian yang kita berikan terhadap masalah moral pemuda-pemudi.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu sedar bahawa penyelesaian kepada masalah ini tidaklah semudah mencampurkan satu dengan satu dalam kira-kira matematik. Setiap daripada kita, baik yang menjadi pemimpin, yang menjadi guru atau polis ataupun pemandu teksi dan pengoperasi pusat-pusat hiburan harus mengambil berat perkara ini dan sama-sama berusaha ke arah membimbing generasi muda menjalani kehidupan yang lebih positif, lebih bermakna dan menjadi warganegara yang berguna.

Saya berharap sebarang program atau rancangan yang akan digubal oleh pihak kerajaan bagi tujuan menangani gejala sosial di kalangan remaja ini dapat dibentuk dan dirumuskan dengan lebih menyeluruh dengan mengambil kira pendapat dan kritikan daripada semua pihak. Masalah sosial yang ditimbulkan oleh komuniti remaja pada masa sekarang bukanlah satu masalah yang terasing, sebaliknya masalah ini merupakan manifestasi daripada berbagai kepincangan dan kekurangan dalam rancangan pembangunan kita. Terdapat beberapa isu yang ingin saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini yang saya harap akan dapat membantu dalam mencari penyelesaian kepada masalah yang semakin meruncing ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu sedar bahawa seunghungpun penguatkuasaan undang-undang adalah penting bagi tujuan mengawal gejala-gejala sosial yang negatif. Yang lebih utama sebenarnya ialah kekukuhan institusi keluarga sebagai pendekatan yang paling berkesan bagi memastikan ahli-ahli keluarga tidak terlibat dalam perbuatan yang tidak berakhlak.

Keluarga yang mantap dan bahagia akan mampu menjadi penawar kepada berbagai penyakit sosial. Ini bukan sahaja benar bagi golongan remaja, tetapi juga sah untuk orang dewasa. Hubungan kekeluargaan yang mesra dan harmoni akan menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang aman, makmur, seimbang dan bertatasusila berlandaskan norma moral dan nilai kerohanian hidup yang positif.

Keluarga memainkan peranan yang penting terhadap pembentukan personaliti dan wawasan

seseorang insan. Keluarga juga merupakan unit-unit utama dalam pembinaan bangsa dan negara yang berjaya. Justeru itu, kelemahan institusi keluarga akan turut menimbulkan kepincangan dalam masyarakat. Apabila institusi keluarga menjadi kurang mantap, ahli-ahli keluarga akan merasa keliru dan gagal menghayati nilai dan makna kehidupan kekeluargaan dan seterusnya akan cenderung untuk terlibat dalam berbagai perbuatan yang bersifat anti sosial.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan daripada kegawatan gejala sosial di kalangan belia menjadi bertambah meruncing, kemahiran keibubapaan telah turut menjadi satu topik yang hangat diperbincangkan. Kemahiran keibubapaan adalah penting kerana ibu bapa merupakan pemimpin dalam sesuatu keluarga.

Melengkapkan ibu bapa dengan kemahiran keibubapaan akan membantu mereka memahami perkembangan fizikal, mental, emosi dan persekitaran sosial budaya setiap ahli dalam keluarga. Ini akan membolehkan mereka membentuk personaliti anak-anak dengan lebih berkesan. Pada masa sekarang telah terdapat pertubuhan agama yang menawarkan kursus keibubapaan kepada pasangan yang mempunyai rancangan untuk mendirikan rumah tangga. Saya berharap kursus keibubapaan sedemikian dapat diadakan dengan lebih meluas dan diadakan untuk pasangan daripada semua latar belakang kepercayaan.

Di samping itu, kemahiran keibubapaan perlu terus dipertingkatkan dari masa ke semasa sejajar dengan bertambah rumitnya cabaran yang dihadapi oleh para ibu bapa dalam menguruskan hal ehwal rumah tangga. Oleh kerana kursus sedemikian tidak harus dijadikan sebagai satu jenis perkhidmatan yang berbentuk komersial, saya berharap pihak kerajaan dapat memberikan insentif kepada badan-badan korporat untuk mengadakan kursus keibubapaan yang berterusan untuk kakitangan masing-masing sebagai salah satu saluran yang mana melaluinya badan-badan perniagaan menunaikan tanggungjawab sosial mereka. Tambahan pula semua jabatan kerajaan dan organisasi perniagaan juga harus mengadakan seminar yang membincangkan cara menangani masalah dalam keluarga kepada kakitangan masing-masing sebagai usaha ke arah memperkukuhkan lagi.....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.....

**Tuan Chang See Ten:**.....institusi keluarga dalam masyarakat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Jelebu bangun.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan saranan daripada Yang Berhormat dari Gelang Patah. Kebanyakan kementerian dan jabatan kerajaan tidak mempunyai peruntukan-peruntukan kewangan bagi mengadakan kursus ataupun seminar-seminar berkaitan dengan keibubapaan. Buat masa sekarang adakah Yang Berhormat akan mencadangkan untuk memberikan saranan kerajaan ini dapat disambut dengan baik oleh jabatan-jabatan kerajaan dan ketua-ketua jabatan? Adakah Yang Berhormat akan mencadangkan supaya kerajaan mempertimbangkan untuk hendak inject lebih peruntukan yang boleh kementerian-kementerian atau jabatan dapat dan mampu membiayai program-program yang diaturkan. Terima kasih.

**Tuan Chang See Ten:** Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Jelebu. Saya memang sokong cadangan dan hasrat beliau supaya pihak kerajaan dapat mengadakan peruntukan itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, pihak kerajaan juga harus memberikan sokongan teknikal dan kemudahan kepada pertubuhan sukarela atau pertubuhan keagamaan yang berminat untuk menganjurkan kursus keibubapaan kepada orang ramai. Sekiranya para ibu bapa dapat memperimbang antara kehairahan untuk mengejar kekayaan kebendaan dengan pemupukan nilai moral anak-anak, ini akan memberi kesan yang positif terhadap usaha merawat pelbagai penyakit sosial yang wujud dalam masyarakat kita pada hari ini.

Penyakit sosial yang saya maksudkan tidak terhad kepada masalah keruntuhan moral pemuda-pemudi, tetapi juga membabitkan perbuatan orang dewasa yang tidak mempedulikan kehidupan orang-orang tua mereka. Sememangnya membiarkan ibu bapa yang sudah tua tanpa memberikan mereka penjagaan yang munasabah juga merupakan satu perbuatan yang tidak bermoral. Fenomena ini juga kian bertambah serius. Menurut Yang Berhormat Menteri Kesihatan, pihak kerajaan sedang mengkaji kemungkinan menggubal undang-undang mewajibkan anak-anak memberikan wang saraan hidup kepada ibu bapa mereka yang sudah tua. Walaupun undang-undang sedemikian boleh digunakan untuk memaksa sebilangan kecil individu

yang enggan mengambil peduli tentang ibu bapa yang tua supaya sekurang-kurangnya memberikan sejumlah wang kepada mereka setiap bulan.

Undang-undang sedemikian tidak akan dapat memaksa anak-anak yang tidak menghormati ibu bapa mereka ini memberikan kasih sayang kepada ibu bapa mereka. Dalam konteks ini, sekali lagi usaha memperkukuhkan institusi keluarga menjadi lebih penting dan lebih bermakna daripada pergantungan kepada penguatkuasaan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kaji dengan teliti fenomena ini, kita akan dapati bahawa faktor di sebalik kejadian membiarkan orang-orang tua adalah kerana erti dan kepentingan kehidupan kekeluargaan telah gagal dihayati oleh ahli-ahli keluarga. Hubungan mesra dan perasaan kasih sayang sesama individu dalam sesuatu keluarga telah tidak wujud lagi. Kita mungkin akan bertanya kenapakah boleh jadi begini? Salah satu sebabnya ialah kerana ibu bapa yang sudah tua, yang ditinggalkan itu terlalu sibuk dengan kerja masing-masing ketika mereka masih berupaya bekerja sehingga mengabaikan kepentingan terhadap penjalinan hubungan yang mesra dan rapat dalam keluarga. Anak-anak mereka yang dibesarkan dalam keadaan begini bukan sahaja terdedah kepada risiko terpengaruh dengan budaya hidup yang negatif yang wujud dalam masyarakat, tetapi juga menjadi begitu sukar untuk menghayati dan mengadakan hubungan yang mesra dengan ibu bapa mereka. Lantaran itu, seandainya usaha tidak dilipatgandakan untuk memantapkan semula institusi keluarga dalam negara kita, banyak lagi masalah sosial yang serupa akan timbul.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada institusi keluarga, aspek pendidikan juga begitu relevan dalam perbincangan yang membabitkan pelbagai masalah sosial. Falsafah pendidikan negara telah dengan jelas mengatakan bahawa matlamat pendidikan di Malaysia adalah untuk melahirkan insan yang harmoni dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani supaya seseorang yang melalui proses pendidikan akan dapat membawa kesehataan kepada dirinya sendiri, kepada keluarga dan seterusnya kepada masyarakat dan bangsa. Namun demikian, pernahkah kita merenungi adakah polisi-polisi yang diamalkan di sekolah-sekolah, bimbingan keluarga dan juga pengaruh masyarakat selari dengan tuntutan yang diketengahkan oleh falsafah pendidikan negara. Kebanyakan sekolah dan ibu bapa pada masa sekarang hanya mementingkan pencapaian akademik pelajar. Begitu

juga dengan pihak swasta yang akan mengambil pelajar-pelajar yang tamat satu-satu peringkat pengajian untuk bekerja, mereka hanya mementingkan jumlah pengetahuan yang mempunyai nilai komersial yang ada pada pelajar-pelajar.

Soal pendidikan kerohanian dan moral pelajar nampaknya telah menjadi isu yang dianggap kurang penting oleh kebanyakan pihak.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu sedar bahawa istilah pendidikan lebih luas maknanya daripada pengajaran dan pembelajaran sesuatu bidang ilmu pengetahuan dan kemahiran. Proses pendidikan sesungguhnya mencakupi pembentukan personaliti dan disiplin pelajar di samping pemberian ilmu. Apabila perbuatan pemuda-pemudi yang negatif telah menjadi begitu serius kebelakangan ini terdapat sesetengah pihak yang mula mencadangkan pengamalan semula hukuman merotan terhadap pelajar yang tidak berdisiplin.

Hukuman merotan mungkin hanya dapat menakutkan pelajar yang bermasalah untuk sementara waktu tetapi masalah pokok yang mendorong pelajar tersebut menjadi liar masih tidak dapat dikenali dan ditangani dengan berkesan. Kita harus mendidik dan membimbing pelajar-pelajar untuk menghayati nilai-nilai moral yang positif. Hanya dengan pemahaman dan penghayatan terhadap nilai-nilai yang positif ini barulah mereka dapat membezakan yang baik dan yang buruk.

Dalam konteks ini, kita perlu sedar bahawa dalam persekitaran masyarakat kita pada hari ini, sempadan di antara nilai-nilai moral yang positif dan gaya hidup yang negatif menjadi begitu kabur sekali. Kita tidak boleh salahkan generasi muda semata-mata kerana tingkah laku orang dewasa telah menimbulkan banyak kekeliruan terhadap pemahaman pemuda-pemudi tentang apakah yang dikatakan bermoral dan apakah yang tidak. Oleh yang demikian, pihak ibu bapa dan masyarakat secara kolektifnya harus memaparkan teladan yang baik serta gaya hidup yang sihat kepada pemuda-pemudi untuk dicontohi.

Adalah sesuatu yang ganjil sekiranya kita hanya tahu melarang anak-anak kita daripada menjejakkan kaki ke pusat disko tetapi kita sendiri suka mengunjungi pub dan pusat karaoke tiap-tiap malam.

Tuan Yang di-Pertua, sudah lama kita kedengaran suara daripada masyarakat agar pendidikan agama dan moral di sekolah dikaji semula supaya lebih berkesan kepada para pelajar. Kita juga tahu bahawa mata pelajaran agama dan moral

disekolah dianggap penting oleh banyak pihak sebagai suatu cara yang berkesan untuk mendidik anak-anak kita, tetapi nampaknya masih banyak lagi usaha yang perlu dilakukan untuk menjadikan pendidikan agama dan moral di sekolah lebih efektif. Banyak sekolah masih tidak mengambil berat pengajaran mata pelajaran itu, terutamanya apabila sekolah mengalami masalah kekurangan guru.

Selain daripada itu, sikap ibu bapa dan orang ramai yang tidak mengamalkan cara hidup sebagaimana yang dituntut oleh ajaran agama juga mengakibatkan pendidikan agama yang diterima oleh para pelajar tidak meninggalkan kesan yang mendalam dan berpengaruh dalam proses pembesaran mereka. Sekiranya pendidikan agama dan moral di sekolah dapat dirancang dan dilaksanakan dengan sempurna, nilai-nilai kerohanian yang tertanam dalam sanubari para pelajar akan dapat memainkan peranan yang berkesan sebagai benteng menangkis gejala-gejala negatif dalam kehidupan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, apabila memperbincangkan peranan yang dimainkan oleh proses pendidikan dalam membendung gejala-gejala negatif di kalangan pemuda-pemudi, ada baiknya kalau kita boleh turut mengkaji semula kandungan program latihan perguruan dan juga skim gaji para pendidik kita. Adakah kursus-kursus perguruan yang diterima oleh para guru kita mencukupi bagi tujuan mengajar dan mendidik pelajar-pelajar?. Perlukan lebih banyak mata pelajaran yang berkaitan dengan psikologi pelajar dan teknik kaunseling dimasukkan dalam latihan perguruan.

Baru-baru ini juga terdapat laporan yang menyatakan bahawa ramai guru yang bertugas di sekolah-sekolah dalam kawasan bandar bekerja secara sambilan sebagai pemandu teksi atau penjaja pada sebelah malam bagi mencari pendapatan tambahan kerana kos hidup yang tinggi. Adakah gaji dan elaun-elaun yang diterima oleh para pendidik kita memadai dan membolehkan mereka menumpukan sepenuh perhatian kepada tugas mereka? Kesemua persoalan ini patut dipertimbangkan dan diambil kira dalam merangka strategi memerangi masalah keruntuhan akhlak di kalangan remaja. Ini adalah kerana tanggungjawab guru tidak akan dapat terelak dari menjadi semakin berat. Dan kita mempunyai asas untuk merasa bimbang bahawa dengan gaji yang secara relatifnya amat sedikit, mereka akan terdesak untuk mengambil kerja sambilan dan seterusnya mengganggu tugas utama mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya tadi, saya telah memperkatakan bahawa para ibu bapa tidak harus mengabaikan tanggungjawab terhadap anak-anak kerana terlalu ghairah mengumpul kekayaan kebendaan. Namun, dalam realiti, mahu tidak mahu, kita terpaksa menerima kenyataan bahawa dalam negara kita yang dikatakan pesat membangun ini masih terdapat banyak keluarga yang hidup kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Mereka terpaksa bekerja untuk satu tempoh yang panjang setiap hari cuma kerana untuk memenuhi keperluan asas mereka, itu pun kadang kala tidak dapat dipenuhi.

Kepada ibu bapa sedemikian, kita tidak harus mempersalahkan mereka kerana terlalu sibuk mencari pendapatan tambahan. Yang harus dipersalahkan adalah kita sendiri kerana gagal dalam mengagihkan kekayaan negara dengan adil dan saksama.

Sekali lagi, saya menyeru supaya mengambil guru-guru yang bertugas di sekolah dalam kawasan bandar, sebagai contoh mereka terpaksa mencari pekerjaan sambilan bagi menampung kos hidup yang tinggi di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur dan Johor Bahru. Adakah adil untuk kita mempersalahkan mereka kerana gagal meluangkan masa bersama anak-anak atau tidak dapat menjalankan tugas mereka dengan sempurna di sekolah disebabkan mempunyai kerja sambilan, sedangkan mereka terdesak untuk berbuat demikian, nampaknya masih banyak usaha yang perlu dilakukan oleh pihak berkuasa untuk mempertingkatkan kebajikan para guru kita supaya mereka dapat menumpukan perhatian menjadi pendidik untuk generasi akan datang memandangkan tanggungjawab yang disandang oleh mereka begitu berat sekali. Mereka patut diberi peluang untuk turut menikmati hasil kekayaan negara yang diperolehi daripada kejayaan ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, ini cuma salah satu daripada puluhan contoh yang mengingatkan kita khasnya pembuat dasar negara serta badan-badan korporat gergasi agar sentiasa berusaha ke arah mengagihkan kekayaan negara dengan lebih adil dan saksama.

Satu lagi contoh, pengagihan kekayaan yang tidak seimbang adalah ketidakmampuan banyak keluarga untuk memiliki rumah sendiri walaupun cuma rumah kos rendah. Tetapi di satu pihak yang lain terdapat bangunan berpuluh-puluh tingkat didirikan dan dimiliki oleh sekumpulan manusia yang kaya dan bermodal.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini menyentuh tentang peranan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dalam membantu merealisasikan impian golongan yang berpendapatan rendah untuk memiliki rumah sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun lepas KWSP telah menyatakan hasrat dan minatnya untuk turut memainkan peranan meredakan masalah keperluan perumahan di negara ini. Usaha ini memanglah patut kita sokong sepenuhnya memandangkan masalah ketidakcukupan rumah untuk golongan berpendapatan rendah di negara ini masih belum dapat diselesaikan dengan sempurna. Malah di bandar-bandar besar seperti di Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang keperluan terhadap rumah sendiri seolah-olah telah menjelma menjadi satu bentuk ketenangan tambahan kepada penduduk yang pada asalnya sudah hidup dalam keadaan yang serba terdesak.

Masalah ketidakcukupan rumah di bandar-bandar besar juga telah turut mendorong pertumbuhan kawasan rumah setinggan dan seterusnya menjadi pemangkin kepada satu siri gejala sosial yang tidak diingini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum, KWSP akan terlibat secara usahasama dengan anak-anak syarikat MBSB dan MKN Holdings bagi membina 5,280 unit rumah kos rendah dan sederhana di kawasan rantau Sungai Buloh. Walaupun jumlah rumah yang dibina di kawasan seluas 42 hektar ini tidak dapat sekali gus merealisasikan impian berjuta-juta keluarga di negara ini yang masih belum mempunyai rumah sendiri, namun langkah tersebut tetap patut dipuji.

Tuan Yang di-Pertua, KWSP adalah badan yang paling sesuai untuk membiayai kos pembinaan rumah-rumah kos rendah dan sederhana kerana kedudukan dananya yang kukuh. Sebagai tambahan kepada usaha membina rumah-rumah kos rendah dan sederhana, KWSP juga perlu merangka satu skim yang dapat membantu para pencarumnya yang belum membeli rumah memiliki satu unit.

Rumah atau tempat perlindungan merupakan salah satu daripada tiga keperluan asas manusia, di samping makanan dan pakaian. Kebanyakan keluarga yang tidak dapat membeli rumah sendiri adalah kerana kadar kenaikan gaji mereka tidak dapat menyaingi kadar kenaikan harga jualan rumah termasuk rumah kos rendah.

Oleh yang demikian, sekiranya KWSP benar-benar berhasrat untuk membantu mereka yang tidak

mampu membeli rumah, KWSP sepatutnya mempertimbangkan untuk menaikkan had pengeluaran wang dari tabung yang dapat dilakukan oleh para pencarumnya bagi tujuan membeli rumah mereka yang pertama.

Pada masa sekarang, para pencarum hanya dibenarkan mengeluarkan wang untuk tujuan membeli rumah dengan had jumlah wang yang dikeluarkan tidak boleh melebihi 30% daripada jumlah simpanan dalam tabung pencarum.

Memandangkan mereka yang tidak mampu membeli rumah sendiri adalah golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana, secara relatifnya simpanan mereka dalam tabung KWSP juga tidak banyak. Adalah wajar mereka dibantu untuk membeli rumah pertama secepat mungkin. Dengan membantu mereka membeli rumah juga bererti membantu mereka melabur dalam hartanah. Bila rumah naik harga berikutan kemajuan negara, mereka juga dapat sama-sama menikmati hasilnya.

Langkah ini adalah selaras dengan prinsip pengagihan kekayaan negara yang lebih seimbang yang ditekankan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Di samping itu, saya berharap kerajaan dapat memberikan sokongan teknikal yang sebanyak mungkin kepada KWSP agar lebih banyak rumah kos rendah dan sederhana dapat dibina oleh KWSP pada tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin memuji pihak Kementerian Dalam Negeri atas ketegasannya mengambil tindakan terhadap anggota-anggota polis yang disyaki terlibat dengan penyalahgunaan kuasa dalam beberapa kejadian. Kita perlu sedar bahawa keberkesanan strategi kita memerangi dadah dan pil-pil khayal, membendung masalah kongsi gelap, mencegah kemasukan pendatang asing tanpa izin dan seumpamanya, amat bergantung kepada kecekapan dan profesionisme pasukan polis.

Oleh yang demikian, sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Megat Junid, kita tidak boleh bertolak ansur dengan sebarang perbuatan yang bersifat 'harapkan pagar, pagar makan padi'.

Selain daripada itu, kita juga harus mencari perimbangan dalam pembangunan fizikal dan pembangunan kerohanian agar kedua-duanya boleh maju serentak. Tidak ada erti kemajuan jika masyarakat tidak bermoral dan tidak mempunyai nilai-nilai hidup yang positif. Demikian juga, tidak ada makna pembangunan sekiranya masih terdapat

golongan tertentu yang terpinggir daripada turut menikmati hasil pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional yang diberi mandat oleh majoriti penduduk Malaysia untuk memerintah memang mempunyai tanggungjawab untuk memperkenalkan projek Koridor Raya Multimedia yang akan membawa negara memasuki era teknologi maklumat yang serba canggih tetapi yang sama pentingnya ialah rancangan-rancangan pembangunan yang seimbang dan memanfaatkan semua pihak.

Dengan kata-kata yang demikian, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Keningau.

4.50 ptg.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan [Keningau]:** Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang membahaskan Usul Ucapan Terima Kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Jaafar yang dilafazkan pada 24 Mac, 1997.

Sekali lagi kita sebagai Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Ahli-ahli Dewan Negara menikmati penyampaian dasar dan pendekatan Kerajaan Malaysia untuk tahun-tahun yang akan datang. Di samping prestasi pentadbiran kerajaan juga dihuraikan sebagai ketetapan kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dinafikan bahawa banyak kejayaan yang telah dicapai oleh kerajaan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Pencapaian ekonomi ke atas tahap kadar lebih 8% memang amat membanggakan, apatah lagi dengan adanya projek seperti MSC, Siberjaya, Putrajaya, KLIA, LRT dan perkembangan Port Klang, sedangkan Commonwealth Games dan persediaan-persediaan infrastrukturnya adalah tanda-tanda kemajuan negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja kesemuanya yang disebut sebentar tadi menjadi tumpuan, perhatian rakyat Malaysia serta rakyat seluruh dunia, tetapi lebih-lebih lagi dengan tersebutnya satelit-salelit, Measat I dan Measat II. Pelancaran satelit-satelit ini telah memajukan dan meninggikan lagi imej Malaysia sebagai negara membangun.

Sebagai rakyat Malaysia tentu kita turut bangga dan turut memuji kejayaan negara kita serta prestasinya. Kini ramai rakyat Malaysia menikmati banyak program TV dan radio melalui sistem

telekomunikasi ASTRO. Boleh dikatakan bahawa Malaysia sudah berjaya mencapai satu tahap lagi kemajuan dalam bidang Super Telecommunications. Kini berbagai-bagai program, berwarna-warni serta berbentuk positif dan negatif boleh melayankan nafsu dan emosi seseorang individu.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih teringat pada tahun lima puluhan, bila waktu cara hidup kita masih simple dan sederhana serta tidak complicated, dengan izin. Perbelanjaan pun tidak melampau, tetapi benar-benar berasaskan kemampuan dan kesederhanaan keperluan hidup. Boleh dikatakan perbezaan di antara yang berada dan yang tidak berada tidak begitu ketara dan tidak begitu jauh bezanya yang sebenar. Tuan Yang di-Pertua, pada ketika itu kita telah dikurniakan Tuhan Yang Maha Esa dan Maha Penyayang dengan keadaan aman dan damai, tanpa masalah sosial seperti yang telah menjadi isu besar negara kita sekarang ini, tanpa masalah penyalahgunaan dadah dan tanpa masalah kedatangan dan kehadiran beribu-ribu pendatang haram yang telah mengakibatkan banyak gejala sosial yang tidak diinginkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang di-Pertuan Agong kerana mengenali dan dengan penuh kesedaran menyatakan bahawa pada masa ini negara menghadapi dua masalah utama, iaitu penyalahgunaan dadah dan banjir pendatang asing. Seri Paduka Baginda telah menyebut 'pelbagai masalah yang timbul kerana banjir pendatang asing'.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin kita tidak harus bertanya hanya sekali atau dua kali sahaja mengapa sudah terjadi sedemikian? Mungkin kita perlu bertanya beberapa kali untuk menyedari diri kita dan kerajaan mengapa gejala-gejala sosial telah timbul? Bukankah selama beberapa tahun ke belakang ini kita mempunyai program untuk menyelesaikan masalah-masalah sosial ini? Kita mempunyai Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan kita mempunyai Jabatan Imigresen serta pasukan-pasukan keselamatan -- yang ditugas dan dipertanggungjawabkan membanteras dan menangani masalah-masalah tersebut. Mengapa kesemuanya jentera ini tidak berkesan? Saya rasa soalan ini sangat mustahak sekali untuk dipertimbangkan dan untuk memperolehi jawapan dan solusi yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, kita selalu ingin memuji prestasi negara kita terutama sekali daya saingan

kita dengan negara-negara lain di dunia ini, sehingga mendorong negara kita membangun dengan begitu pesat sekali. Pada suatu ketika kita hampir-hampir mempunyai keadaan, dengan izin, 'over heating economy' yang mungkin boleh menimbulkan masalah ekonomi dan sosial yang berlainan.

Apakah tidak boleh kita mempersoalkan soal baik-buruknya pembangunan pesat terhadap sesebuah negara atau negeri terutama sekali jika menimbulkan gejala-gejala sosial yang tidak diinginkan. Saya sedar bahawa seminar demi seminar telah dan terus diadakan untuk memahami apakah sebabnya kita telah menimbulkan begitu banyak masalah sosial, tetapi belum kelihatan penyelesaian sehingga kini?

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa negara kita menghadapi dua masalah utama dan ini bererti jika masalah-masalah ini tidak diatasi, ia akan menjejaskan masa depan negara dan Wawasan 2020 mungkin tidak tercapai.

Perdana Menteri telah pernah mengatakan dan ini juga saya rasa dipersetujui oleh orang ramai, bahawa dalam perancangan kita untuk membangunkan negara kita, kita mesti memastikan ada keseimbangan di antara pembangunan dengan pemeliharaan alam sekitar atau persekitaran.

Alam persekitaran, Tuan Yang di-Pertua, merangkumi banyak sektor, bukan sahaja alam sekeliling perhutanan, perbandaran, tetapi juga pembangunan rohaniah, pendidikan serta pembangunan infrastruktur untuk negeri dan untuk perkampungan.

Di dalam tujuan kita untuk mengejar kemajuan dan pembangunan bagi negara kita, adakah dalam perancangan kita, kita benar-benar telah mengambil kira semua segi keseimbangan serta semua sektor yang terlibat dalam implikasi kemajuan. Oleh sebab penekanan kita untuk mencapai tahap kejayaan infrastruktur khususnya berasaskan keuntungan sektor komersil ataupun keuntungan material, adakah tumpuan kemajuan seperti ini telah membelakangkan tumpuan perhatian terhadap misalnya kemajuan rohaniah dan sektor sosial, sedangkan peruntukan untuk mengatasi gejala sosial tidak begitu menggalakkan. Ketara sekali, Tuan Yang di-Pertua, bahawa gejala sosial dan dadah ini bukan pula berkurangan, tetapi menjadi masalah yang paing besar dan kini semua lapisan masyarakat diingatkan bahawa ianya adalah tanggungjawab semua dan bukan hanya kerajaan, kerana Perdana Menteri sendiri telah menegur perkara ini dan meminta semua mengambil peranan.

Kini masing-masing sekarang 'are getting into the act'. Tentu sekali kita bersetuju dengan seruan Perdana Menteri kerana kita juga tidak ingin masalah sosial ini bertambah rumit dan melarat serta berleluasa. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *'perhaps the question of pure profiteering at the expense of the society must be condemn and replace with fair profiteering and the sense of responsibility'*. Tentu sekali perubahan seperti ini bukannya senang difahami atau dijual kerana dengan izin, 'we cannot teach a duck how to swim'. Namun demikian, semua pihak khasnya kerajaan hendaklah mengambil perhatian yang serius terhadap perkara ini supaya konsep pembangunan negara bukan sekadar diukur dari segi kadar pertumbuhan ekonomi serta materialisme sahaja, tetapi juga dari segi peningkatan akhlak, moral dan nilai-nilai murni yang akan menjamin kestabilan pembangunan dan kestabilan sosial yang berkekalan.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Di-Raja telah menekankan kejayaan-kejayaan dari segi ekonomi negara di mana kadar pertumbuhan KDNK melebihi 8% setahun telah dicapai bagi hampir 10 tahun yang lalu. Pendapatan per kapita dikatakan meningkat dengan negara mencapai gunatenaga penuh. Semuanya ini adalah dialu-alukan, namun beberapa masalah terus wujud dalam pengurusan negara dan pencapaian matlamat pembangunan negara.

Pertama, akaun semasa imbalan pembayaran masih mengalami defisit yang cukup besar, iaitu dianggarkan RM1.5 bilion bagi tahun 1997.

Dengan adanya projek-projek pembangunan gergasi seperti Bakun, Putrajaya, bandar Siberjaya, Universiti Multimedia, lebuhraya besar dan projek-projek besar yang lain akan mula dibina pada tahun ini, maka masalah defisit akaun semasa tidak akan mudah dikurangkan. Ini adalah disebabkan projek-projek gergasi ini akan menggunakan import barangan yang banyak, khasnya capital goods such as heavy machinery, dengan izin. Usaha untuk membangun perusahaan tempatan yang bertujuan mengganti atau mengurangkan barangan import dengan membekalnya melalui pengeluaran tempatan belum lagi mencapai tahap kejayaan yang ketara pada masa ini.

Kedua, masalah inflasi terus dalam tahap yang meragukan iaitu hampir 4%, 3% bagi penggal terakhir tahun lagi dan ketara amat tinggi daripada kadar sasaran program inflasi sifar yang begitu luas dilaksanakan di seluruh negara. Adalah jelas bahawa Program Inflasi Sifar telah gagal mencapai matlamatnya kerana harga barang-barang perlu

seperti tepung, beras, bawang dan lain-lain terus melambung tinggi dan kadar inflasi semakin naik tinggi khususnya di Sabah di mana harga barangan asas dan keperluan telah terkenal lebih tinggi iaitu di kira-kira 30% hingga 50% daripada harga barang-barang sama di Semenanjung.

Masalah kenaikan harga yang tidak terkawal telah membebankan rakyat dan mengakibatkan kemerosotan standard of living mereka. Usaha yang lebih berkesan untuk mengawasi kenaikan harga barangan adalah perlu supaya kadar inflasi akan terkawal dan dengan itu tekanan kenaikan upah dan penurunan produktiviti dapat dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi program penswastaaan pula, adalah penting bagi kerajaan supaya entiti atau perkhidmatan yang diswastakan betul-betul menguntungkan kerajaan dan meningkatkan efisiensi serta tahap perkhidmatan kepada rakyat dan bukan pula menambah beban kewangan kepada pengguna perkhidmatan tersebut.

Di peringkat negeri Sabah, usaha menswastakan beberapa agensi dan perkhidmatan kerajaan sedang giat dijalankan tetapi dalam beberapa kes rasional atau sebab-sebab kenapa penswastakan tersebut dilaksanakan tidak boleh diterima oleh pihak umum, contohnya, ialah kenderaan kerajaan negeri. Sebelum penswastakan dijalankan, perbelanjaan tahunan bagi pembelian dan penyelenggaraan kenderaan ialah kira-kira RM8 juta hingga RM10 juta. Selepas diswastakan, perbelanjaan tahunan yang ditanggung oleh kerajaan ialah hampir RM60 juta sebagai bayaran sewa kenderaan sahaja kepada Syarikat Angkatan Hebat Sdn. Bhd.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan seperti ini tidak boleh diterima oleh mana-mana pihak. Pihak kita telah membangkitkan perkara ini di Dewan yang mulia ini dan di Dewan Undangan Negeri Sabah serta membuat laporan kepada Badan Pencegah Rasuah, namun tidak ada tindakan sama sekali oleh pihak kerajaan untuk membetulkan keadaan ini. Kadar sewa kereta yang dikenakan oleh pihak syarikat Angkatan Hebat kepada kerajaan yang amat tinggi sekali belum lagi disemak balik walaupun public out cry, dengan izin, begitu luas supaya kerajaan mengambil tindakan yang serius dalam perkara ini.

Bagi beberapa model kenderaan, kadar sewa tidak mempunyai logik, di mana jumlah sewa tahunan membolehkan kerajaan menggantikan kenderaan tersebut setiap tahun jika perkhidmatan tersebut dikendalikan oleh kerajaan sendiri. Pihak kita merayu sekali lagi kepada Kementerian

Kewangan Pusat supaya mengambil tindakan yang terperinci kepada aduan ini demi prinsip ketelusan pentadbiran dan amalan berjimat cermat.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang diberi penekanan yang luas di dalam Titah Ucapan DiRaja ialah projek Koridor Raya Multimedia (MSC). Usaha kerajaan di dalam perkara ini sememangnya dialu-alukan. Penubuhan Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Multimedia Super Corridor dan cadangan pembangunan bandar Siberjaya dan Univeristi Multimedia mempunyai rasional yang boleh diterima. Pihak kita sedar bahawa dunia telah maju ke dalam era maklumat dan adalah penting bagi negara Malaysia untuk turut menyertai dalam bidang teknologi maklumat supaya dapat mempertahankan competitive edge yang telah dicapai dari segi ekonomi serta sedia menghadapi persaingan baru yang timbul daripada penguasaan teknologi maklumat dan telekomunikasi.

Pada dasarnya pihak kita menyokong usaha kerajaan untuk terus maju ke hadapan dalam bidang ini. Namun demikian, kita mempunyai beberapa persoalan asas yang perlu diambil perhatian oleh pihak kerajaan supaya sokongan dan pelaburan oleh semua pihak dalam bidang teknologi maklumat dan multimedia benar-benar menguntungkan rakyat keseluruhan.

Pertama, Projek Koridor Raya Multimedia masih lagi dalam bentuk konsep sahaja dan majoriti rakyat Malaysia termasuk pemimpin-pemimpin di peringkat negeri, pegawai-pegawai kerajaan dan pihak swasta belum lagi memahami apa sebenar matlamat dan faedah MSC kepada negara dalam jangka pendek dan jangka panjang. Soalan-soalan seperti berikut perlu diberi jawapan dengan jelas dan maklumat-maklumat tertentu hendaklah disebar kepada semua lapisan masyarakat:

- (i) adakah pelan induk MSC telah disediakan dan bolehkah pihak umum dan pelabur-pelabur mendapatkan salinannya;
- (ii) apakah jenis-jenis industri maklumat yang boleh diusahakan dalam MSC iaitu dalam zon 15x50 km persegi yang ditetapkan;
- (iii) apakah insentif-insentif yang disediakan kepada pelabur-pelabur yang ingin menyertai projek MSC;
- (iv) apakah peranan syarikat-syarikat tempatan dan apakah insentif-insentif khas bagi mereka supaya projek MSC tidak dikuasai penuh oleh syarikat-syarikat teknologi maklumat antarabangsa sahaja;

(v) adakah sumber tenaga negara mencukupi untuk menampung keperluan tenaga kerja teknikal dan pengurusan bagi MSC dan apakah tindakan yang sedang dilakukan untuk melatih pekerja tempatan dalam bidang teknologi maklumat khas bagi menampung keperluan tenaga kerja MSC; dan

(vi) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk melindungi pekerja tempatan supaya tenaga kerja bagi MSC tidak diimport semata-mata dari luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa soalan-soalan seperti ini perlu diberi penjelasan supaya semua golongan rakyat dapat memberi sumbangan untuk menjadikan Koridor Raya Multimedia berjaya sepertimana yang diutarakan dalam Titah Ucapan DiRaja.

Perkara kedua yang perlu dibangkitkan di sini ialah soal priority kerajaan dari segi matlamat pembangunan negara. Harus diingatkan bahawa matlamat utama dasar pembangunan negara ialah pencapaian perpaduan nasional melalui pertumbuhan ekonomi yang pesat dan pengagihan kekayaan yang adil dan saksama supaya masalah kemiskinan dan ketidakseimbangan di antara kaum dan wilayah dapat diatasi. Dari segi mencapai matlamat pembangunan negara, maka adalah penting bagi kerajaan supaya priority atau penekanan program pembangunan kepada perkara-perkara asas tidak diabaikan, maka pada masa kini di mana kerajaan begitu giat sekali ingin mencatat sejarah melalui pelaksanaan projek-projek gergasi dan unik seperti Twin Tower, Putrajaya, MSC, bandar Siberjaya dan Universiti Multimedia, pihak kerajaan haruslah berjaga-jaga supaya, dengan izin, you don't get carried away with the fanciful and the fashionable, sehingga priority asas dilupakan kerana sekadar ingin mencatat sejarah - for the sake of sejarah, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus sentiasa bertanya adakah projek-projek gergasi yang dilaksanakan betul-betul diperlukan dari segi keperluan masyarakat keseluruhan dan adakah projek-projek tersebut akan meningkatkan ekonomi dan kesejahteraan rakyat? Jika tidak, projek-projek besar ini sekadar akan menjadi monument negara, tetapi tidak boleh menyelesaikan masalah-masalah pokok seperti kemiskinan luar bandar, ketidakseimbangan pendapatan dan gejala-gejala sosial yang semakin luas melanda masyarakat kita, khususnya golongan muda.

Selain daripada itu, perkara keseimbangan pembangunan dari segi wilayah yang diutarakan sebagai antara matlamat penting Rancangan Malaysia Ketujuh harus diberi perhatian khusus. Pada masa kini, projek-projek pembangunan yang besar selain daripada projek Bakun semuanya ditempatkan di kawasan Wilayah Semenanjung dan ini pun di dalam beberapa negeri yang sudah mencapai tahap pembangunan yang tinggi. Akibatnya ialah negeri-negeri yang terpencil akan terus ketinggalan dari segi pembangunan sosio ekonomi kerana program pembangunan yang pesat ditumpukan kepada beberapa kawasan sahaja dan aktiviti-aktiviti ekonomi di situ sukar untuk mengalir kepada kawasan yang memerlukan pembangunan pesat kerana masalah perhubungan geografik atau geographical distance, dengan izin, yang jauh.

Soalan kita ialah kenapakah projek-projek gergasi ini tidak diagih-agihkan kepada beberapa negeri yang lebih memerlukan massive injection of economic development, dengan izin, seperti Kelantan, Sarawak dan Sabah khasnya dari segi pembangunan sektor teknologi maklumat dan telekomunikasi di mana soal geografi atau space tidak begitu penting, maka sebahagian daripada projek-projek pembangunan yang besar itu haruslah diletakkan di kawasan negeri-negeri terpencil.

Dalam perkara ini, adalah sesuai jika program pembangunan sektor teknologi maklumat tidak dikhususkan di kawasan MSC sahaja, tetapi diagih-agihkan kepada beberapa negeri. Maka saya cadangkan supaya pihak kerajaan menubuhkan mini MSC di beberapa negeri, termasuk negeri Sabah yang terletak di dalam kawasan BIMP-EAGA yang seterusnya akan disambung atau connected kepada MSC induk di Bandar Siberjaya.

Saya percaya konsep dan program ini lebih strategik dan berkesan, khasnya dari segi pembangunan sektor teknologi maklumat untuk jangka panjang. Dengan cara ini, rakyat Malaysia akan benar-benar menikmati faedah MSC dengan lebih luas dan lebih acquitable.

Tuan-Yang di-Pertua, di dalam keghairahan negara mengejar kemajuan untuk mencapai Wawasan 2020, kita jangan lupa bahawa terdapatnya ketidakseimbangan pembangunan antara wilayah. Sungguhpun terdapat perancangan untuk membangun agak menyeluruh, namun kita dapati bahawa pelaksanaannya adalah tertumpu di Semenanjung sahaja, khususnya di persekitaran Kuala Lumpur.

Ini mengakibatkan Sabah dan Sarawak ketinggalan jauh ke belakang dari segi pembangunan. Justeru itu, kita meminta kerajaan untuk mengkaji semula kadar pelaksanaan pembangunan di seluruh negara bertujuan untuk menseimbangkan semua aspek pembangunan di seluruh negara. Kalau ini tidak dibuat, maka sudah tentu kita tidak akan mencapai matlamat Wawasan 2020 untuk membawa negara ke tahap satu negara Malaysia yang maju kerana tumpuan pelaksanaan pembangunan negara berkisar di Semenanjung sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini, ketika kita sedang rancak mengejar kemajuan, kerajaan seharusnya peka dan prihatin tentang masalah sampingan yang timbul akibat mengejar kemajuan ini. Di dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Baginda telah menyentuh penyalahgunaan dadah dan banjir pendatang asing yang merupakan dua masalah utama yang dihadapi oleh negara masa kini.

Saya bersetuju bahawa masalah-masalah ini sudah sampai ke tahap yang kritikal di mana mungkin sukar hendak ditangani, terutama dari aspek permasalahan ketenteraman awam dan keharmonian masyarakat, seterusnya mengancam keselamatan negara. Pada hemat saya, kedua-dua permasalahan ini mempunyai hubungkait antara satu sama lain di mana kebanyakan pendatang asing terlibat dalam penyalahgunaan dadah di dalam negara Malaysia sejak awal lagi.

Menyedari hakikat ini, kerajaan hendaklah mengambil pendekatan 'serampang dua mata' untuk menangani masalah ini iaitu melipatgandakan usaha menyekat kemasukan pendatang asing ke dalam negara kita dan menghantar pulang ke negara asal masing-masing semua pendatang asing tanpa izin.

Saya masih ingat lagi dua bulan yang lalu, Ketua Polis Negara telah mengakui bahawa pintu masuk utama iaitu point of entry, dengan izin, terutama sekali yang terletak di persempadanan adalah bolos. Oleh yang demikian, kerajaan melalui agensi-agensinya seperti pasukan keselamatan dan Imigresen mestilah mengambil langkah-langkah positif untuk membuat kawalan ketat di pintu-pintu masuk kerana selagi kemasukan pendatang asing ini tidak dikawal, selagi itulah masalah penyalahgunaan dadah dan banjir pendatang asing ini berleluasa di negara kita.

Seperti yang digariskan oleh Baginda di dalam Titah Ucapannya bahawa banjir pendatang

asing telah menimbulkan pelbagai masalah seperti pergeseran mereka dengan penduduk tempatan, wujudnya perkampungan haram setinggan, gejala pemalsuan dokumen perjalanan dan peningkatan perkahwinan antara pendatang asing dengan wanita-wanita rakyat tempatan yang kesahihannya diragukan.

Di samping itu timbul juga masalah majikan mendiskriminasikan pekerja tempatan kerana pekerja asing sanggup menerima upah yang lebih rendah. Beban kewangan membiayai penempatan pendatang asing tanpa izin di depot-depot imigresen dan penghantaran pulang mereka serta pertambahan kos dalam bidang kesihatan dan pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang masalah yang ditimbulkan oleh pendatang asing tanpa izin ke negara kita, sekali lagi saya ingin mengingatkan kerajaan bahawa di Sabah kehadiran pendatang asing ke negara kita. Sekali lagi saya ingin mengingatkan kerajaan bahawa di Sabah kehadiran pendatang asing tanpa izin ini telah menimbulkan masalah yang lebih serius dan memudaratkan keselamatan dan kedaulatan negara. Ini kerana ramai sudah menjadi warganegara Malaysia secara haram melalui pemilikan kad-kad pengenalan yang dikeluarkan oleh pihak-pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab yang hanya mengutamakan kepentingan mereka sendiri tanpa menghiraukan keselamatan negara. Tambahan pula, mereka yang telah diberikan kad pengenalan secara haram ini juga sudah didaftar sebagai pengundi.

Tuan Yang di-Pertua, usaha membanteras kedua-dua masalah ini memerlukan komitmen dan keikhlasan semua pihak yang terlibat, terutama sekali pihak kerajaan. Saya berharap kerajaan tidak akan berkompromi untuk menangani masalah kebanjiran pendatang asing ini demi keutuhan dan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dialami oleh saudara-saudara sewarga di Semenanjung Malaysia mengenai dengan pendatang asing, pelarian dan pendatang haram ini hanyalah setitik di lautan masalah yang kami hadapi di Sabah. Kerajaan haruslah menyatakan sejelas-jelasnya sama ada kehadiran puluhan ribu rakyat Filipina di Sabah yang pada mulanya datang sebagai pelarian yang dilindungi oleh undang-undang antarabangsa dari saudara kita di Filipina Selatan pada tahun 1972 masih mempunyai status pelarian atau sebaliknya. Jika mereka masih dianggap sebagai pelarian, apakah keadaan di Filipina masih melayakkan mereka mencari perlindungan di negeri Sabah?

Jika keadaan di Filipina sudah tidak lagi melayakkan mereka mencari perlindungan di negeri Sabah, mengapa mereka masih terus berada di negeri Sabah? Jika mereka masih berstatus pelarian, mengapakah mereka dibiarkan bebas sebeb warganegara Malaysia dan tidak ditangani sama dengan para pelarian Vietnam di Semenanjung Malaysia? Jika mereka tidak lagi berstatus pelarian, mengapakah mereka tidak dihantar pulang sepertimana yang dilakukan kepada mereka di pusat pelarian Vietnam di Semenanjung Malaysia?

Kita lihat betapa serius dan bersungguh-sungguh Kerajaan Persekutuan menangani para pendatang haram dan pekerja asing di Semenanjung Malaysia, tetapi seolah-olah hanya 'melepaskan batuk di tangga' sahaja bila menangani keadaan yang nyata lebih serius di Sabah. Kita melihat betapa Perdana Menteri sendiri campur tangan bila mana terdapat 5,000 nama pengundi di Kelantan dipindahkan ke lain tempat, sementara perkara ini berleluasa di negeri Sabah. Bukan sahaja pemindahan dan manipulasi pengundi, malah dengan sengaja mendaftarkan puluhan ribu warganegara asing yang telah mendapat kerakyatan dengan cara yang amat mencurigakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara tuntutan kami bahawa terdapat puluhan ribu nama-nama rakyat asing yang didaftarkan sebagai pengundi di negeri Sabah, Kerajaan Persekutuan jelas terus menafikan gejala tersebut. Apa yang menyedihkan ialah para pemimpin Persekutuan menerima teguran ini secara negatif dan bukan dari perspektif yang positif. Memang terdapat banyak bukti bahawa nombor-nombor kad pengenalan yang digunakan mendaftar sebagai pengundi di Sabah tidak ada dalam rekod Jabatan Pendaftaran Negara. Namun begitu, apabila ditegur di Dewan ini atau membuat bantahan menurut kaedah-kaedah yang digariskan oleh undang-undang, para pemimpin Kerajaan Persekutuan dan Suruhanjaya Pilihanraya mengambil sikap mempertahankan diri serta memandang para pembangkang sebagai musuh.

Gejala ini amat menyedihkan, sebab kerajaan seharusnya berterima kasih kepada pihak-pihak pembangkang yang sentiasa bekerjasama dengan kerajaan memastikan agar hak-hak demokrasi rakyat anak watan negara ini tidak dinodai dengan nafsu liar yang akhirnya mengkhianati hak dan keselamatan rakyat. Perlu diingatkan bahawa selagi kerajaan bersikap defensif dalam hal pembersihan daftar pemilih ini, selagi rakyat di negeri Sabah akan memikirkan bahawa kerajaan sebenarnya terlibat dalam perbuatan khianat ini, demi membersihkan

nama baik kerajaan, saya cadangkan agar pengkajian semula setiap nama dalam daftar pemilih bagi negeri Sabah dibuat dengan ikhlas.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kerajaan telah menunjukkan sikap yang prihatin terhadap gejala-gejala sosial yang sedang melanda generasi muda negara ini. Akhir-akhir ini isu-isu sosial mendapat perhatian umum, khususnya mengenai penyalahgunaan dadah, lepak dan bohsia di kalangan para remaja, budaya samseng, hippies, punk, rambut panjang dan lain-lain lagi. Parti Bersatu Sabah sebenarnya sudah meramalkan terlebih awal bahawa masalah sosial yang sedang melanda negara ini akan menjadi satu masalah besar, memandangkan trend pembangunan negara yang lebih tertumpu kepada pembangunan ekonomi dan materialisme atau pembangunan fizikal. Walau bagaimanapun, saya bersyukur kerana kerajaan kini prihatin terhadap masalah sosial di kalangan generasi muda dan telah mengorak langkah untuk menangani masalah-masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan mutu pendidikan negara. Segala usaha yang digariskan untuk reformasi pendidikan demi memajukan industri berteknologi tinggi adalah tepat dan kena pada masanya dan dialu-alukan. Pengenalan konsep Sekolah Bistari yang bertujuan untuk membentuk budaya berfikir adalah amat penting untuk pembangunan pembelajaran negara dan pencapaian Wawasan 2020. Pengkorporatan institusi pengajian tinggi juga adalah wajar dan perlu untuk memenuhi kehendak dunia pendidikan dan pembelajaran masa kini. Bagaimanapun, dalam konteks pembangunan pendidikan di luar bandar terutama sekali di negeri Sabah dan Sarawak, ingin saya menarik perhatian di Dewan yang mulia ini tentang kekurangan infrastruktur pendidikan seperti bangunan-bangunan sekolah, bekalan elektrik dan bangunan-bangunan asrama.

Tuan Yang di-Pertua, satu contoh yang ketara ialah keadaan satu sekolah rendah di Lahad Datu, di mana mengikut laporan di dalam akhbar tempatan, tidak kurang daripada 50 orang murid yang terpaksa menggunakan bangunan yang usang tanpa sebarang alat-alat keperluan untuk mengajar dan apa lagi kerusi, bangku untuk murid-murid pun juga tidak ada. Satu lagi masalah am pendidikan di luar bandar yang perlu ditangani oleh kerajaan ialah kekurangan bangunan sekolah dan asrama desa. Ini

amat mendesak diberi perhatian kerana ramai murid terpaksa berhenti sekolah kerana tidak sanggup berulang-alik dari rumah ke sekolah yang jauh dari kampung masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa salah satu tujuan kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam di dalam kurikulum baru pendidikan Islam ialah untuk menangani masalah sosial yang serius yang melanda murid-murid sekolah. Dalam hal ini perlu diingatkan bahawa masalah sosial yang dihadapi oleh murid-murid tidak tertumpu kepada mereka yang beragama Islam sahaja. Oleh itu, saya mencadangkan supaya pendidikan agama di sekolah-sekolah tidak dihadkan kepada pendidikan agama Islam sahaja. Saya memang menghormati Islam sebagai agama rasmi di dalam negara kita. Namun selaras dengan prinsip Rukunegara dan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, semua murid-murid dan penuntut sepatutnya dibimbing mempelajari agama masing-masing untuk membentuk keperibadian yang kuat supaya tidak mudah terjerumus atau dipengaruhi oleh gejala sosial.

Sebagai mengakhiri ucapan, Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga menekankan bahawa dasar pembangunan infrastruktur akan diteruskan selaras dengan matlamat untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara. Dalam usaha kerajaan untuk memberi pembangunan jalan raya, termasuklah menaikkan taraf jalan-jalan raya utama dan juga dalam usaha untuk memastikan pembekalan kemudahan air dan elektrik yang mencukupi, tumpuan khas seharusnya diberi kepada negeri Sabah demi mendekatkan jurang perbezaan pembangunan yang tidak seimbang antara negeri-negeri yang terpencil seperti Sabah dan negeri-negeri yang lain di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan jalan-jalan raya di seluruh negeri Sabah sudah kerap kali dimaklumkan dalam Dewan yang mulia ini dan tidak perlulah diulaskan lagi dengan panjang lebar. Apa yang ingin saya tekankan di sini ialah tahap penyelesaian masalah keadaan jalan raya yang amat mendukacitakan. Memang nyata sekali bahawa tidak ada peningkatan mutu jalan raya seperti yang dijanjikan dalam manifesto Barisan Nasional untuk membentuk Sabah baru walaupun sudah tiga tahun memegang Kerajaan Negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan yang disediakan setiap tahun, Sabah sedikit ada memberi tumpuan ke atas pembangunan infrastruktur di negeri Sabah. Namun apa yang menghairankan tidak

ada pembangunan yang kelihatan selaras dengan peruntukan yang disediakan. Ini menimbulkan persoalan mengenai cara Kerajaan Persekutuan menyalurkan peruntukan dalam Belanjawan itu. Cara itu mungkin mengakibatkan hanya sebahagian sahaja digunakan atau disalurkan dalam tahun ianya diperuntukkan atas sebab-sebab yang harus diperjelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan infrastruktur di negeri Sabah adalah punca utama menyekat pertumbuhan ekonomi negeri itu. Manakala kita berbangga bahawa ekonomi negara keseluruhan telah berkembang pesat pada kadar melebihi 8%. Selama hampir satu dekad ekonomi negeri Sabah hanya mencatat pertumbuhan pada kadar purata 5% sahaja dalam beberapa tahun yang lalu.

Adalah wajar Kerajaan Pesekutuan melipatgandakan langkah-langkah dan usaha-usaha demi memastikan jalan-jalan raya utama di negeri Sabah yang menghubungkan antara bandar-bandar dan pekan-pekan serta jalan-jalan raya yang lain di bawah tajaan Kerajaan Persekutuan dapat dipertingkatkan taraf dalam jangka masa yang lebih cepat.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Sabah mencatat peratusan paling rendah penduduk yang dibekalkan dengan kemudahan air dan elektrik iaitu dalam sekitar 78% sahaja. Memang kenyataan bahawa masalah ini banyak tertumpu di kawasan-kawasan luar bandar.

Ketika menggulung perbahasan Belanjawan 1997, Menteri Pembangunan Luar Bandar ada mengatakan bahawa satu pelan induk prasarana pembangunan luar bandar akan dirangka bagi setiap kawasan untuk tahun 1997 dengan mengambil kira cadangan-cadangan daripada pejabat daerah dan juga daripada Ahli-ahli Dewan Rakyat.

Ini adalah satu langkah yang baik untuk memastikan kesemua kawasan luar bandar tidak ketinggalan dari arus pembangunan. Walau bagaimanapun, adalah difahamkan bahawa penyediaan pelan induk yang dimaksudkan itu dilanda dengan masalah dan format khas yang kononnya akan diedarkan kepada semua Ahli Dewan Rakyat semenjak bulan Disember tahun lalu bagi menyenaraikan keperluan pembangunan di kawasan masing-masing juga belum kelihatan hingga kepada hari ini.

Dalam perkara ini, diharapkan agar Kementerian Pembangunan Luar Bandar dapat menjelaskan keadaan yang sebenarnya. Pelan induk prasarana

itu kalau dirangka dan dilaksanakan dengan berkesan ianya akan dapat mengenalpasti dan seterusnya menyelesaikan masalah luar bandar di setiap kawasan dari segi bekalan air, elektrik dan juga kemudahan-kemudahan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata demikian, saya ingin menyokong Ucapan Terima Kasih Ke Atas Ucapan Titah DiRaja yang telah dilafazkan beberapa hari kebelakangan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Beaufort.

5.33 ptg.

**Datuk Nurnikman bin Abdullah [Beaufort]:** Tuan Yang di-Pertua, saya turut sama membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sewaktu Seri Paduka Baginda bertitah di Dewan yang mulia ini pada hari Isnin yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, persaingan yang semakin hebat dalam pelbagai bidang di kalangan negara-negara membangun khususnya dalam bidang industri menyebabkan kita terkehadapan sedikit dengan adanya rancangan MSC.

Multimedia Super Corridor telah membantu memastikan supaya kita sentiasa maju ke hadapan dengan kesediaan serta perubahan yang positif. Malah MSC ini adalah sangat signifikan terutama bagi memanfaatkan era ledakan teknologi maklumat yang boleh mendorong kepada peningkatan produktiviti dalam pelbagai sektor termasuk pertumbuhan ekonomi dan pentadbiran awam kita. Berdasarkan ini, langkah mengadakan MSC adalah tepat dan perlu disokong oleh semua golongan rakyat.

Bagi meningkatkan lagi kepenggunaan teknologi maklumat khasnya komputer, kita perlu memberi penekanan kepada penyediaan infrastruktur kegunaan komputer terutamanya bekalan tenaga elektrik khususnya di sekolah-sekolah di luar bandar serta juga kemahiran aplikasi komputer bagi menggalakkan pembudayaan masyarakat kita kepada komputer.

Ini lebih penting kepada masyarakat luar bandar yang belum berpeluang menggunakan komputer atau golongan yang sudah lanjut usia yang didapati agak sukar mendalami ilmu komputer lebih-lebih lagi kerana teknologi komputer terlalu cepat berkembang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menaikkan tahap literacy komputer di kalangan rakyat, saya melihat galakan dan rangsangan mestilah diperluaskan bagi memberikan kecenderungan masyarakat untuk mengamalkan penggunaan komputer. Selain menurunkan harga peralatan komputer, barangkali skim komputer yang disediakan oleh kerajaan dapat diikuti oleh sektor swasta terhadap kakitangan masing-masing.

Perlu juga barangkali difikirkan untuk menyediakan insentif subsidi bagi menggalakkan masyarakat kita membeli set-set komputer untuk mencapai kemajuan dalam teknologi maklumat secara 'leap frogging' atau kejayaan yang hampir mendadak seperti yang kerajaan kita cuba lakukan. Langkah-langkah juga haruslah agak drastik untuk menggalakkan penggunaan maksimum teknologi maklumat ini.

Kalau dahulu pernah kita dengar subsidi baja bagi menggalakkan pertanian, kita juga pernah mendengar skim subsidi monyet di negeri Terengganu kerana memanjat dan mendapat buah kelapa yang muda, saya fikir skim subsidi pinjaman komputer perlu diperluaskan.

Tuan Yang di-Pertua, di bidang penyiaran, kita dapati saluran televisyen kita semakin banyak. Saluran terbaru ialah Astro dan Mega TV yang sedang giat dibuat promosi. Saluran tambahan ini membanyakkan lagi pilihan rakyat untuk menonton rancangan-rancangan yang diminati.

Walau bagaimanapun, kita dapati bahawa sewa bulanan bagi saluran TV ini adalah agak mahal iaitu diantara RM45 sehingga RM80 sebulan termasuk juga bayaran RM1,600 untuk pemasangan dan saya yakin tidaklah dapat dimampui oleh golongan bawahan. Saya tidak hairan bahawa saluran TV ini akan hanya ditonton oleh golongan elit dan yang berada. Kalau ini berlaku, ia sudah tentu mewujudkan jurang pengetahuan antara golongan berada dengan golongan kebanyakan jika saluran ini digunakan juga untuk pendidikan dan bukan hiburan semata-mata.

Saya mencadangkan agar kadar bayaran berkenaan dapat disamak semula bagi membolehkan lebih ramai rakyat Malaysia mampu berlanggan saluran TV ini.

Saya juga ingin menyatakan bahawa ada tempat-tempat di negeri Sabah khususnya di daerah-daerah pedalaman masih lagi menerima siaran yang kurang memuaskan terutama kualiti gambar. Saya berharap perkara ini dapat diberi perhatian oleh kerana

penonton televisyen kita terpaksa membayar lesen tahunan yang juga menyumbang kepada pendapatan negara. Saya fikir dengan mengambil kira bahawa mereka adalah pembayar lesen televisyen tahunan mereka berhak untuk mendapatkan siaran yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, penentuan destinasi-destinasi pelancongan dalam negara ini adalah tertakluk oleh kementerian yang berkenaan, dengan satu kaedah yang boleh memberikan kemudahan kepada pelancong terutama pelancong luar negeri. Ini kerana pelancong yang datang sudah tahu destinasi-destinasi utama yang perlu dikunjungi.

Penentuan destinasi utama ini juga memberikan fokus kita kepada penyediaan prasarana pelancongan seperti jalan raya, telekomunikasi, hotel serta pengwujudan pelbagai produk pelancongan yang lain.

Kaedah ini tentulah juga memberi keyakinan yang lebih kepada para pelabur untuk melabur dalam industri pelancongan khususnya di kawasan yang telah dijadikan destinasi utama pelancongan.

Walau bagaimanapun, destinasi yang lain perlu juga diberi promosi bagi memanfaatkan potensi pelancongan lain yang ada di negara kita. Para penduduk tempatan harus diberi galakan untuk turut sama menyertai perkembangan industri ini walaupun dengan cara kecil-kecilan dahulu seperti yang berlaku di Pulau Langkawi, di Pahang dan di Terengganu.

Saya tahu perkara ini telah pun diambil kira oleh kementerian yang berkenaan dalam pelan induk pelancongannya. Cuma saya minta agar pelaksanaannya dapat dipercepatkan terutama sekali di negeri Sabah yang nyata telah bersedia untuk menerima pembangunan industri ini.

Sehubungan dengan ini, saya mencadangkan agar pembinaan Hotel Seri Malaysia tajaan kementerian berkenaan dapat dirancang dan dibina segera di beberapa destinasi pelancongan seluruh negara termasuklah negeri Sabah. Saya juga amat concern terhadap pembangunan aset pelancongan di tepi laut.

Tuan Yang di-Pertua, sejak akhir-akhir ini kita perhatikan bahawa kawasan-kawasan pantai menjadi tarikan paling utama. Sebagai contoh, di sepanjang Pantai Timur Sabah telah menjadi idaman pemaju-pemaju pelancongan kecil ataupun besar.

Saya sering diajukan dengan pertanyaan kepada 'mistik pantai ditimbu' sedangkan kawasan tanah

Sabah itu masih lagi luas. Dan kita dengar juga adanya rancangan untuk menimbus kawasan-kawasan pantai di banyak tempat termasuklah yang sedang dirancang di beberapa kawasan pantai Semenanjung. Kepada kita kawasan tepi pantai adalah aset yang amat berharga. Oleh itu, saya minta agar para perancang bandar akan lebih prihatin terhadap aset pantai kita supaya kita tidak kehilangan warisan yang sangat tinggi nilainya. Kalau pantai kita sudah ditimbus, tidak mungkin kita dapat mengembalikannya dalam keadaan yang asal, walaupun kita mengubah balik rancangan kita. Pantai adalah aset yang sangat berharga dan perlu ada langkah-langkah penjagaan yang tegas daripada semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan masalah gejala sosial. Menurut ramai penganalisa sosial, masalah sosial sebenarnya adalah satu fenomena yang global. Oleh sebab itulah kita dapati bahawa masalah etika telah pun menjadi agenda masyarakat sejak sekurang-kurangnya 2000 tahun yang lepas sehinggalah pada hari ini. Masalah etika dan moral kini sedang dirasai semua negara sama ada yang sedang membangun ataupun maju, yang berbeza hanya tahap masalah berkenaan. Walaupun demikian, tidaklah dinafikan bahawa penurunan nilai-nilai moral dan etika semakin jelas kebelakangan ini terutamanya golongan remaja. Oleh kerana itulah misalnya OIC dalam sidanganya di Islamabad yang berakhir beberapa hari lepas telah berikrar untuk memperkukuhkan usaha ke arah memaparkan nilai dan tradisi tamadun Islam serta menyemaikan nilai moral dan etika Islam kepada generasi muda Islam.

Bagi golongan remaja kita di negara ini, peningkatan moral mestilah menyeluruh tanpa mengira agama, keturunan dan latar belakang budaya. Jika nilai baik hanya ditekankan kepada satu golongan, lambat-laun golongan yang tidak menjadi fokus penggalakan moral akan mempengaruhi yang satu lagi. Oleh itu penggalakan nilai dan etika mestilah menyeluruh, sebab itulah juga saya berpendapat bahawa adalah amat bertepatan akan tema Hari Kemerdekaan kita pada tahun ini iaitu 'Akhlaq Mulia Masyarakat Jaya', selaras dengan concern majority rakyat sejak akhir-akhir ini.

Saya berharap tema Hari Kemerdekaan tahun ini tidak lagi menjadi bahan perbincangan sebaliknya dihayati dan diamalkan. Kita tahu banyak kawasan termasuklah Sabah dan khususnya di kawasan saya masih wujud beberapa kes masalah disiplin seperti menghidu gam, mengambil pil khayal dan

sebagainya. Saya harap kes-kes yang berlaku ini khususnya di sekolah-sekolah akan dapat disusuli tindakan oleh para berwajib secara berterusan bagi membanteras gejala yang tidak sihat ini. Langkah Kementerian Pendidikan dengan kerjasama polis bagi menangani masalah sosial remaja adalah amat dialu-alukan dan ini telah pun mendatangkan kesan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap pendekatan dan sambutan Ma'al Hijrah Tahun 1997 ini akan lebih berkesan dengan pewujudan program-program yang tidak terlalu ceremonial yang dibaluti oleh prosedur-prosedur protokol semata-mata sebaliknya perlulah diperbanyakkan aktiviti yang benar-benar sampai kepada kumpulan sasaran, manakala program-programnya harus juga bersesuaian dengan kumpulan sasaran. Saya katakan demikian oleh kerana saya dapati program-program yang dijalankan setiap kali diadakan sambutan Ma'al Hijrah adalah berkesan kerana penglibatannya saya lihat adalah amat menggalakkan iaitu melibatkan ramai golongan pelajar dan juga masyarakat awam dalam suasana keagamaan yang tulin. Saya yakin peresapan nilai-nilai yang baik kelihatan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu pendidikan sememangnya menjadi perhatian ramai berdasarkan kepentingannya sebagai ejen perubahan. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Kementerian Pendidikan oleh kerana telah banyak mengadakan perubahan positif dalam menentukan kecemerlangan akademik dan disiplin para pelajar. Walau bagaimanapun, ada juga isu-isu negatif yang dibangkitkan oleh orang ramai. Kita sedar bahawa setengah tohmahan itu tidak betul ataupun tidak benar. Namun saya fikir kementerian yang berkenaan harus juga peka dan bersikap 'analistical' ketika menerima laporan atau tohmahan dari masyarakat. Sebagai contoh, kita dikejutkan oleh isu yang melibatkan kematian pelajar dan sebagainya. Saya fikir sudah sampai masanya bukan sahaja kaum guru menerima tanggungjawab anak-anak semasa di sekolah, tetapi ibu bapa juga harus meneliti dan memerhati perangai dan sikap anak-anak semasa di rumah, mengikuti perkembangan akademik mereka dan yang penting melibatkan diri dalam Persatuan Ibu Bapa dan Guru.

Saya perhatikan ramai ibu bapa mengambil sikap tidak terlibat dalam aktiviti Persatuan Ibubapa dan Guru di sekolah di mana anak mereka belajar. Ini adalah satu sikap yang perlu dikikis. Jika ibu bapa memberikan sokongan moral kepada sekolah ia akan

mendatangkan kesan yang positif terutama melibatkan tahap komitmen guru serta motivasi mereka untuk mengajar.

Saya juga mendapat makluman bahawa ada mahasiswa universiti menghadapi masalah perumahan walaupun tidaklah di tahap yang membimbangkan, namun dalam jangka masa panjang saya fikir perlulah pihak pengurusan universiti menyediakan kemudahan tempat tinggal khususnya yang datang dari wilayah yang jauh. Masalah ini bukan sahaja melibatkan pelajar-pelajar tajaan kerajaan tetapi juga yang ditaja oleh swasta ataupun yang tidak ditaja oleh mana-mana pihak. Saya juga berharap usaha ini bukan sahaja dilakukan oleh institusi yang ditaja oleh kerajaan tetapi juga institusi pengajian tinggi swasta yang ada di negara kita. Keprihatinan mereka yang lebih terhadap hal ehwal pelajar masing-masing, saya yakin akan dapat menyumbang kepada kecemerlangan akademik dan juga membantu negara kita menjadi satu pusat industri akademik.

Dalam soal pendidikan tinggi juga saya berharap lebih ramai institusi pengajian tinggi mengembangkan cawangan-cawangannya ke Sabah bagi memberi ruang dan peluang yang lebih terbuka kepada para pelajar melanjutkan pelajaran. Kerajaan negeri baru-baru ini telah mewujudkan Unit Pendidikan di Jabatan Ketua Menteri Sabah, dan antara lain tujuannya ialah untuk menjadi fasilitator kepada pengwujudkan kolej-kolej swasta di negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita baru-baru ini sekali lagi dikejutkan dengan berlakunya kemalangan ke atas pesawat tentera di kawasan Sipitang berdekatan dengan Long Pasia di Sabah. Dua kemalangan yang berlaku sebelum itu menambahkan lagi tragedi nahas udara yang melibatkan pesawat. Setiap kali nahas udara berlaku kita selalu mendengar kenyataan yang menjelaskan beberapa kemungkinan sebagai sebab kepada kemalangan dan ini membawa kepada kesimpulan yang kejadian itu tidak boleh dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan ini oleh kerana kenyataan-kenyataan serupa ini sebenarnya boleh mendatangkan pelbagai interpretasi yang mungkin negatif. Oleh kerana kejadian ini melibatkan nyawa manusia yang bukan sahaja menyebabkan kehilangan personnel yang terlatih tetapi juga membawa bebanan yang sungguh berat ke atas ahli-ahli keluarga yang terlibat. Kejadian seumpama itu juga menyebabkan ramai di antara kita merasa takut untuk menaiki pesawat dari jenis yang berkenaan.

Saya fikir sudah sampai masa kita meneliti apakah punca sebenar kejadian-kejadian seumpama ini. Kita tidak mahu imej pasukan keselamatan kita terjejas di mata masyarakat antarabangsa dan harus berusaha untuk mengurangkan nahas seumpama itu. Permasalahan perlu dicari adakah kerana sebab masalah disiplin. Adakah masalah tahap motivasi yang rendah di kalangan kakitangan atau adakah pesawat-pesawat berkenaan tidak lagi boleh digunakan? Kita perlu berbalik kepada yang asas dengan melihat kembali kepada logistik yang digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali tiba masanya kita tidak lagi melihat hutan tetapi melihat pokok dan malah mungkin mencabut dan memeriksa akar-akarnya sekali sama ada masih kukuh ataupun tidak. Kalau pokok kelihatan cantik tetapi akar sudah reput, barangkali perlu kita tebang pokok berkenaan supaya ianya tidak mendatangkan bencana kepada lain-lain personnel angkatan tentera di masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada projek pemutihan yang dilakukan di Sabah adalah satu langkah yang sudah lama ditunggu-tunggu oleh rakyat negeri Sabah. Kita dapati sudah banyak perubahan yang berlaku di bandar-bandar utama seperti di Kota Kinabalu, Tawau dan Sandakan. Secara tiba-tiba sahaja penduduk kelihatan bertambah kurang dengan kekurangannya pendatang tanpa izin ini. Ini memberikan keselesaan kepada penduduk-penduduk tempatan. Tetapi saya bimbang kalaulah kita tidak ada usaha yang berterusan dari pihak yang berwajib kemungkinan akan berbalik, keadaan asal akan berlaku. Kemungkinan bagi mereka yang dihantar pulang untuk kembali ke Sabah sentiasa terbuka apabila sahaja ada peluang untuk mereka balik. Ini kerana mereka sudah pun terbiasa dengan keadaan tempatan dan sukar untuk melupakannya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi fenomena yang saya perhatikan ialah para pendatang tanpa izin ini telah mengubah haluan daripada duduk di bandar kini ada pula yang masuk ke pedalaman dan bekerja di kebun-kebun persendirian penduduk tempatan dan mendapat upah bagi kerja-kerja berkebun. Ini sudah tentu menyukarkan pihak berkuasa untuk mengesan mereka. Saya berpendapat, pihak berkuasa berkenaan perlu mendapatkan kerjasama penduduk-penduduk tempatan bagi mendapatkan maklumat sehingga terjumpanya para pendatang tanpa izin yang cuba bersembunyi dari dikesan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan perkataan demikian saya mohon menyokong Titah Ucapan DiRaja. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kota Melaka.

5.59 ptg.

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ucapan terima kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, semasa meneliti ucapan yang diberikan oleh Baginda, saya ada perhatikan bahawa beliau telah memberikan penekanan kepada perlunya kita meneruskan kepesatan pertumbuhan ekonomi negara menerusi pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa penekanan yang diberikan oleh Baginda adalah sangat-sangat penting kerana kalau negara kita hendak mencapai Wawasan 2020 menjadi sebuah negara yang maju, kita tidak boleh puas hati dengan kedudukan ekonomi negara sebagai sebuah ekonomi industri sahaja dan pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti adalah sangat-sangat penting sekarang memandangkan dari segi efisiensi atau keberkesanan negara kita boleh dikatakan adalah sungguh tidak memuaskan.

Di sini saya ingin merujuk kepada beberapa angka yang dikeluarkan oleh Bank Dunia (IMF) dan Analisa McKinsey di mana kalau kita merujuk kepada Total Factor Productivity (TFP) iaitu, dengan izin, the efficiency of capital and labour inputs that is combined in order to energize economic growth of a country, di mana kalangan negara-negara maju dan membangun Malaysia berada dalam keadaan dan tahap yang sungguh mengecewakan.

Mengikut angka-angka yang saya sebut tadi, yang pertama iaitu mempunyai TFP yang paling memberangsangkan ialah negara Ireland dengan TFP sebanyak 55%; diikuti dengan Jepun 55%; Hong Kong 45%; Thailand 37%; Korea 35%; Australia 26%; Amerika Syarikat 25%; Indonesia 22%; Cina 21%; Singapura 19%; India 18%; dan Malaysia adalah di kalangan negara dalam tangga yang paling rendah sekali iaitu TFP sebanyak 16% sahaja.

Saya pernah membaca satu keratan atau satu article dalam *The Economist* di mana dinyatakan bahawa Kabinet Malaysia merupakan satu-satunya Kabinet di dunia di mana menteri-menteri tahu apa

maknanya TFP. Kalau kita pergi ke negara-negara lain, banyak Kabinet tidak tahu dan tidak faham makna TFP, tetapi dikatakan kononnya semua ahli Kabinet faham istilah TFP. Kalau begitu, macam mana kita boleh berpuas hati dengan kedudukan TFP yang begitu rendah dan apakah usaha yang dirancangan untuk mempertingkatkan kedudukan TFP ini.

Kalau begitu Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sungguh pun semua ahli Kabinet tahu makna TFP, tetapi nampaknya telah gagal untuk memastikan pertumbuhan ekonomi didorong oleh produktiviti dan saya harap bahawa pihak kerajaan boleh memberikan satu pelan induk khas macam mana kita boleh mempertingkatkan TFP ini.

Saya berkata demikian kerana pada bulan November lepas dan ini baru dibentangkan di Parlimen iaitu ada satu pelan Induk Perindustrian Kedua yang dilancarkan pada bulan November lepas oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tetapi adakah pelan induk ini ada memastikan bahawa sekurang-kurangnya TFP kita boleh mencapai ke tahap yang meyakinkan atau satu tahap yang boleh ditakrifkan sebagai teguh dan memuaskan. Kalau tidak, saya rasa adalah susah usaha kerajaan untuk menuju ke hala era dan alaf maklumat.

Kalau negara memerlukan teknologi yang lebih canggih, teknik pengurusan yang lebih moden dan sistem pengeluaran yang lebih cekap, saya rasa faktor yang paling utama sekali ialah kita perlu tenaga buruh atau sumber manusia yang berdaya maju dan berdaya saing. Di sini saya harap pihak kerajaan mempunyai rangka dan dasar yang boleh menggalakkan kita membentuk tenaga buruh yang terlatih dan juga mahir dalam teknologi-teknologi canggih, khususnya IT.

Di sini saya ingin mencadangkan kepada Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak menjayakan MSC, kalau kita ingin menjayakan lonjakan atau leap-frog negara Malaysia dari sebuah negara membangun - developing country dalam pre-industrial age atau hampir hendak menjadi industri kepada satu masyarakat maklumat, itu bukan sahaja berpuas hati dengan kedudukan sebagai sebuah negara industri atau negara maju, tetapi sebagai sebuah negara maklumat yang lebih hebat dari negara maju.

Yang paling penting ialah kita mesti menarik pakar-pakar yang betul-betul mahir, terlatih dan untuk tujuan ini, kerajaan mesti mempunyai dasar berdasarkan merit. Ia mesti mempunyai dasar yang menggalakkan dan bukan berdasarkan kuota seperti yang diamalkan sekarang, tetapi berdasarkan prestasi dan hasil yang dicapai oleh rakyat Malaysia.

Saya rasa sudah tiba masanya bahawa apabila kita hendak masuk ke alaf yang baru, kita patut mempunyai dasar yang baru dan dasar yang baru ialah satu dasar yang adil di mana peluang yang sama diberikan kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira kedudukan, status, kaum atau agama dan tentu sekali apabila kita melaksanakan dasar seperti ini, adalah perlu bahawa kepentingan golongan daif dan golongan miskin tetap dijaga. Di sini kita masih perlukan satu dasar untuk membantu golongan tersebut, tetapi bantuan kepada golongan tersebut mestilah berdasarkan kedudukan dan kedudukan ekonomi mereka, bukan berdasarkan kepada faktor-faktor lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik dengan ucapan Seri Paduka Baginda bahawa pelaksanaan program penswastaan akan terus dipergiatkan, tetapi keberkesanan program penswastaan pada masa depan akan dijalankan dengan lebih kukuh, mempunyai rangka kawalselia dan mekanisme pengesanan dan penilaian prestasi supaya tidak wujud unsur-unsur penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa hari yang lepas, surat khabar nasional *Utusan Malaysia* telah memaparkan dalam muka surat pertama bahawa jalan-jalan di Kuala Lumpur sering rosak kerana ada unsur-unsur rasuah dan penyelewengan dan mereka memetik berita ini daripada seorang jurucakap BPR yang tidak menyebut namanya.

Di sini saya rasa ini bukan satu perkara yang baru kerana seperti yang sedia dimaklumkan oleh Tuan Yang di-Pertua bahawa memang sudah menjadi satu kelaziman bahawa apabila kontraktor bina jalan pada asalnya dijanjikan membina enam inci misalannya tetapi akhirnya dia membina tiga inci, tiga inci masuk poket. Ini yang berlaku dan telah menjadi satu kelaziman. Mengapakah hanya sekarang baru BPR sedar tentang perkara ini? Saya rasa ini satu perkara yang mustahil bahawa mereka tidak tahu sebelum itu.

Maka, saya ingin menunjukkan bahawa bukan sahaja di Kuala Lumpur yang berlaku, malah di Melaka perkara ini juga berlaku dan saya telah membuat beberapa aduan bukan sahaja kepada pihak kerajaan, tetapi juga kepada pihak BPR, tetapi tidak ada sebarang tindakan yang diambil oleh BPR.

**Tuan Noh bin Omar:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun. Hendak beri jalan?

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti, nanti....saya habiskan segmen ini dahulu. Dan di sini, tentang jalan-jalan yang rosak oleh kerana unsur-unsur rasuah. Di Melaka, ada sebatang jalan yang dibina di Jalan Merdeka, Bandar Hilir yang dibina dengan harga RM1.5 juta dan jalan ini ialah untuk memasang batu berwarna Monier. Tetapi apabila jalan ini siap, ia rosak dengan serta-merta iaitu rosak sebaik sahaja ia siap dibina dan jalan ini terletak di tengah-tengah Bandaraya Melaka.

Tetapi sungguhpun perkara ini telah dibangkitkan kepada pihak kerajaan dan MPMBB, tidak ada sebarang tindakan diambil ke atas sikontraktor yang bertanggungjawab ataupun pegawai kerajaan yang mengawal selia projek ini.

Saya tidak faham, sungguhpun perkara ini saya sendiri telah membuat laporan kepada Badan Pencegah Rasuah pada tahun lepas, tetapi tidak ada sebarang tindakan diambil. Malah bukan sahaja kontraktor tidak diambil tindakan, sebaliknya ia dibayar penuh kos pembinaan jalan tersebut, iaitu dengan harga RM1.5 juta tanpa sebarang potongan. Saya tidak faham di sini macam mana kontraktor yang telah membina jalan yang rosak sebaik ia siap dibina boleh mendapat bayaran penuh seratus peratus? Tetapi ini telah berlaku di Melaka.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Jelebu bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti, saya kena beri kepada Tanjong Karang dahulu, saya telah janji kepada dia. Saya habis segment ini, saya akan berikan. Nanti, saya janji.

Syarikat ini bernama Syarikat Merpati Indah. Apabila pihak kerajaan diminta memberikan penjelasan, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka menyatakan bahawa kontraktor tidak boleh disalahkan, kerana kerosakan ini disebabkan oleh kelalaian dan sikap tidak cukup profesionalisme pegawai MPMBB yang menjadi pemilik dan pengurus projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau pihak kerajaan sendiri mengakui bahawa sebab jalan ini rosak sebaik ia siap dibina adalah kerana kelalaian pihak pegawai atau jurutera Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah, mengapakah tindakan tidak diambil ke atas jurutera tersebut? Mengapakah jurutera tersebut tidak digantung kerana kelalaiannya telah menyebabkan rakyat rugi RM2.5 juta, kerana

sungguhpun kos asal jalan ini adalah RM1.5 juta, tetapi kos pembaikan semula adalah sebanyak RM1 juta. Bermakna untuk memasang batu berwarna Monier, macam di Mahkamah di Jalan Sultan Sulaiman, serupalah, sebanyak RM2.5 juta telah dibelanjakan dan sehingga hari ini jalan di situ tidak boleh digunakan dengan baik, membahayakan pengguna. Keselamatan pengguna terancam.

Saya tidak faham mengapa tidak ada sebarang tindakan diambil oleh pihak kerajaan negeri, dan teruk lagi tidak diambil tindakan oleh BPR, sungguhpun saya telah membuat laporan kepada BPR bahawa wujud penyelewengan. Sekurangnya kita harap jalan ini boleh tahan satu bulan atau satu tahun, tetapi sebaik ia siap dibina sudah rosak. Batu tersasul, semua keluar, tetapi bayar terus lagi seratus peratus. Pembaikan semula, sekarang tergendala juga. Kontraktor tidak dihukum, tidak didenda. Pegawai jurutera Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah tidak juga dihukum atau diambil tindakan. Bukankah ini jelas menunjukkan ada penyelewengan, ada rasuah? Saya buat laporan kepada BPR, tetapi BPR cakap tidak ada kes. Tidak ambil keterangan saya langsung!

Tuan Yang di-Pertua, apa gunanya kalau macam ini buat laporan kepada BPR, BPR di KL boleh cakap jalan di KL rosak kerana ada unsur rasuah. Di Melaka dia tidak boleh tengok. Di depan sendiri sudah rosak tidak boleh tengok. Ini yang jadi masalah.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Jelebu bangun sekali lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tanjong Karang dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong Karang.

**Tuan Noh bin Omar:** Saya hendak minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat dari Kota Melaka. Saya setuju kalau jalan-jalan ini banyak dibuat memang tidak cukup ukuran yang dibuat. Jadi, bukan sahaja jalan di Melaka, tetapi banyak tempat, tempat saya pun sama. Itu saya setuju. Yang saya kurang bersetuju, takkanlah masalah jalan tidak cukup ini pun hendak salahkan BPR. DAP terlampau banyak hendak salahkan BPR. Kes rasuah pun BPR, Perwaja pun BPR. Jadi, saya hendak bertanya adakah Yang Berhormat mencadangkan supaya seorang pegawai BPR ini

hendak jaga sebatang jalan? Berapa ribu jalan kita ada yang memang tidak cukup di'inspect'. Adakah Yang Berhormat cadang supaya BPR juga menubuhkan satu unit untuk jaga beribu jalan? Itu yang pertama.

Yang kedua, mengenai kuota. Kuota ini kita sudah amal 20 tahun selama DEB. Adakah selama kita mengamalkan kuota di bawah DEB ini memberikan kesan negatif kepada kemajuan dan juga pembangunan di Malaysia. Adakah dengan kuota ini memberikan hasil yang lebih baik ataupun lebih teruk lagi dari segi pembangunan dan juga keharmonian di antara kaum di Malaysia ini?

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dari segi pengangkutan atau jalan untuk negara adalah satu sektor yang sangat besar pada ekonomi negara. Saya rasa dari segi jumlah nilainya lebih RM10 bilion. Kalau jumlah sebegitu besar, saya rasa cukup penting kita petugaskan seorang pegawai BPR untuk memastikan tidak wujud penyelewengan. Tetapi kita tidak boleh mengharapkan BPR boleh nampak semua, kerana ketidakcukupan kakitangan dan wang oleh pihak kerajaan dan penekanan yang kurang oleh pihak kerajaan ke atas peranan memerangi rasuah. Tetapi apabila satu laporan telah dibuat seperti yang dibuat oleh saya, nampaknya mesti dapat laporan baru BPR bertindak. Tetapi sekarang dapat laporan pun tidak mahu bertindak. Apabila jalan rosak sebaik ia siap dibina, apa hendak cakap lagi?

Kalau kita cakap berkenaan jalan kampung, saya ingat Yang Berhormat pun sering dengar sepatutnya jalan ini tiga inci, tetapi sudah tinggal satu inci, dua inci masuk poket. Ini memang berlaku. Tetapi apabila ia berlaku dengan begitu terbuka, tidak ada sebarang tindakan yang diambil oleh BPR. Bukankah ini menunjukkan bahawa BPR tidak guna langsung? Boleh cakap dekat KL banyak masalah. Tetapi di Melaka, apabila aduan dibuat oleh saya, tidak ada sebarang tindakan diambil.

Tuan Yang di-Pertua, inilah yang saya cakap bahawa 'BPR cakap tak serupa bikin'.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** [*Bangun*]

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini tak puas-puas ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Timbalan Menteri bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Beri dia dahululah, nanti 'trained of thought'.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya hendak tanya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ini, laporan yang diberi kepada BPR yang dia kata 'BPR tidak ambil tindakan' itu, adakah laporan itu hanya mengatakan bahawa jalan baru siap, cepat rosak ataupun Yang Berhormat ada sebut iaitu bahawa si anu-anu ada menerima duit dan sila siasat, kenapa duit itu diberikan kepada yang kononnya jurutera yang meluluskan jalan itu. Kalau dia dapat duit, ada bukti, lapor ataupun Yang Berhormat cuma sebut jalan siap - rosak. Kalau jalan siap - rosak, buat laporan kepada BPR, mereka boleh buat apa? Bacalah akta itu dahulu, macam mana? Bukan setakat beritahu situasi itu sahaja, suruh buat siasatan!

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ingat Yang Berhormat kena belajar sedikitlah. Kalau spesifikasi ialah bahawa jalan, apabila diserahkan kepada kerajaan mestilah baik, mestilah sempurna dan jalan ini rosak, mengapa bayar pula? Saya rasa itu common sense. Jalan diserahkan kepada kerajaan - rosak, tak sempurna, tak lengkap, kerajaan masih bayar juga. MPMBB masih bayar juga.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:**  
[Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti, nanti, saya tak cukup masa, saya ada perkara lagi.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:**  
Takutkah?

**Tuan Lim Guan Eng:** Mana takut, bila-bila boleh terima. Nanti, saya akan berikan. Saya hendak habiskan dahulu. Nanti saya akan berikan. Saya takut saya tidak cukup masa kerana ada jalan-jalan yang lain yang saya hendak sebutkan lagi.

Kalau terus bayar, sungguhpun jalan sudah rosak, apa maknanya? Tidak ikut spesifikasi, bukankah ini menunjukkan ada unsur penyelewengan, ada unsur rasuah.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:**  
[Bangun]

**Tuan Noh bin Omar:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Lim Guan Eng:** Satu sahajalah! Satu sahaja.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya hendak tanyalah, kalau duit itu bayar kepada kerajaan, duit itu bayar kepada syarikat yang membuat ataupun bayar kepada jurutera. Kalau bayar kepada syarikat yang telah menyediakan jalan itu, Yang Berhormat kena buktikanlah syarikat itu ada memberi duit kepada jurutera, baru kita boleh mengambil tindakan terhadap jurutera. Tetapi kalau tidak ada bayaran itu, macam mana kita hendak membuat siasatan terhadap jurutera itu?

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, saya ingin membuat satu cabaran. Saya cabar Yang Berhormat pergi dengan saya melawat projek ini, tengok dengan mata sendiri apa yang berlaku supaya tahu keadaannya.

Dan Yang Berhormat tahu bahawa kerajaan telah membuat satu arahan .....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:**  
[Bangun]

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti! ....telah membuat satu arahan bahawa kalau sesebuah kontraktor gagal menjalankan projek ini, dia akan disenaraihitamkan. Betul atau tidak? Tetapi di sini ia tidak berlaku. Sebaliknya ia diberikan kontrak untuk membina kediaman rasmi Gabenor Melaka dan lagi teruk, kos asalnya RM5 juta tetapi apabila semua siap sudah naik RM10 juta.

RM10 juta pun terus bayar! Apa sudah jadi di sini? Bukankah ini menunjukkan bahawa ada kecacatan yang teruk dalam sistem pengurusan penswastaaan yang dijalankan oleh pihak kerajaan. Mana monetary mechanism? Tak wujud langsung! Dan di sini saya juga ingin merujuk kepada projek-projek lain, ini hanya satu syarikat sahaja, Syarikat Merpati Indah, dapat dua tiga projek tak habis, kos naik 100% daripada kos asal - tidak ada masalah?. Rakyat yang tak berpendidikan tinggi semacam Yang Berhormat pun tahu ada masalah.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, ada tiga lagi projek jalan raya besar memasuki Bandaraya Melaka bernilai RM13.1 juta, yang lambat siap yang menghadapi pelbagai masalah seperti Projek Jambatan Klebang oleh Pile Force bernilai RM5.5 juta yang sepatutnya siap sebelum 1996 tetapi hanya siap sekarang.

Projek melebarkan jalan di Jalan Panjang, Jalan Malim oleh R&R Road Construction sebanyak RM3.6 juta yang sepatutnya siap pada 13hb. Januari, 1997 tetapi dilanjutkan kepada 13hb. April, 1997.

Projek Jalan Pokok Mangga dan Jalan Pulau Gadong oleh Tegas Merdu Sdn. Bhd. bernilai RM4 juta yang sepatutnya siap pada 11hb. November 1996 tapi telah dilanjutkan kepada April 1997 dan semua jalan sekarang ini dalam keadaan yang membahayakan pengguna-pengguna. Kalau Yang Berhormat pergi tengok sendiri pun tahu merbahaya. Sering berlaku kemalangan.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun lagi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak cukup masa, minta maaf. Saya akan habiskan ini, ada masa saya akan berikan jalan. Saya janji!

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, saya rasa adalah tidak guna.

**Dato' Azmi bin Khalid:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Setiausaha Parlimen bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Satu sahaja!

**Dato' Azmi bin Khalid:** Ahli Yang Berhormat kaitkan kemalangan dengan kontrak ini, apa kena-mengena kemalangan dengan kontrak membuat jalan ini. Cuba tolong beri penjelasan. Kemalangan bukan semestinya disebabkan oleh jalan itu dibuat, tetapi adalah disebabkan oleh kecuaiannya orang yang membawa kemungkinan. Ya, terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ingat betul, satu daripada sebabnya ialah kecuaiannya, tetapi keadaan jalan raya pun akan menjadi punca juga. Kalau kita hendak cakap berkenaan kemalangan, saya ada banyak cerita saya hendak cakap dengan kemalangan tadi, nantilah. Yang berkaitan dengan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan ini 'favourite topic' saya-lah. So you jangan, sabar sikit, saya akan datang ke topik kemalangan, you jangan bimbang.

Oleh itu saya harap bahawa kalau BPR hendak menyiasat tentang jalan-jalan yang teruk, saya harap, mereka 'cakap serupa bikin'. Jangan hanya 'melepaskan batuk ditangga' sahaja. Ini saya rasa tak bermakna dan tak berkesan langsung.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

**Tuan Noh bin Omar:** Sekali sahaja, last! Kalau

diterima beri saya, yang last. Tidak, saya hendak puji, saya hendak sokong,

**Tuan Lim Eng Guan:** Ini panjanglah, nanti saya habiskan.

**Tuan Noh bin Omar:** Saya memang bersetujulah Yang Berhormat ini begitu peka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

**Tuan Lim Eng Guan:** Saya belum beri lagilah! Nanti lima minit lagi saya berikan. Okay, baik!

**Tuan Noh bin Omar:** Boleh berikan satu?

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ingin merujuk kepada apa yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat tentang faktor kedua ....

**Tuan Noh bin Omar:** Tidak, saya hendak puji Yang Berhormat ini, Yang Berhormat ini bagus. Saya puji Yang Berhormat ini seorang Wakil Rakyat yang peka dengan masalah rakyat, saya sokong. Tetapi yang saya hendak tanya satu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti, saya beri. Sekarang saya tidak beri!

**Tuan Noh bin Omar:** Berilah saya peluang, tetapi yang banyak jalan tadi, sudah buat report BPR kah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong Karang!

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, di sini ....

**Tuan Noh bin Omar:** Ini bukan gentleman ini!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong Karang, diminta duduk!

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya! Tidak ada, tak ada, nanti, nanti - tidak ada. Nanti, saya tak boleh habis ucapan saya. Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Noh bin Omar:** Bolehlah!

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Minta duduklah, dia tidak beri!

**Tuan Noh bin Omar:** Ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti saya akan berikan,

kalau ada masa. Saya nak habiskan ini dahulu. Saya janji akan berikan minggu depan.

**Tuan Noh bin Omar:** Dia hendak ambil, hendak tolong bapa dia bercakap selama tiga jam, jadi, dia takutlah hendak bercakap panjang-panjang itu.

**Tuan Lim Eng Guan:** He, jangan macam ini lah. Saya sudah berikan, saya gentleman, kalau you buat macam ini, tak baiklah macam ini, kalau argue, arguelah, but don't go personal, ini tak bagus, tak manis, tak elok!

Tuan Yang di-Pertua, rasuah. Dalam pengamatan Seri Paduka Baginda, dalam ucapan membuka Parlimen, beliau menyatakan bahawa ada dua masalah utama yang dihadapi oleh negara. Satu ialah tentang penyalahgunaan dadah dan yang kedua ialah banjir penderatang asing.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju, bahawa kedua-dua masalah ini merupakan satu masalah yang sangat besar kepada negara dan sungguhpun banyak usaha telah dibuat oleh kerajaan, tetapi nampaknya kita masih belum dapat mengatasinya. Tetapi, satu lagi masalah yang tidak disebutkan oleh Seri Paduka Baginda yang juga sama-sama penting dan juga ada kaitan dengan kedua-dua masalah yang disebutkan oleh Seri Paduka Baginda ialah gejala rasuah.

Sungguhpun untuk memerangi kedua-dua gejala ini, pelbagai politik khususnya parti politik Barisan Nasional yang mempunyai sumber yang banyak, yang mempunyai kemudahan yang banyak menjalankan kempen dan kita mengalu-alukan untuk memerangi masalah ini.

Tetapi saya hendak bertanya, mengapakah pihak kerajaan dan mengapa pihak Barisan Nasional tidak pernah menjalankan kempen memerangi rasuah. Saya tidak pernah tengok, tidak pernah baca sama ada UMNO, MCA, MIC menjalankan kempen memerangi rasuah.

Silents is golden! Itulah yang saya cakap. Kalau kita hendak .....

**Dato' Azmi bin Khalid:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya sudah beri canlah! Tak apa, sekali sahaja.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Ini satu cabaran. [Disampuk]. Saya cukup tidak puas hati dengan Yang Berhormat mengatakan bahawa kita tidak ada

menjalankan kempen, bahkan kita telah mengambil tindakan terhadap beberapa Ahli UMNO yang telah dibuang kerana menggunakan wang dan pihak Presiden UMNO telah mengambil tindakan yang cukup tegas dan memberi amaran yang cukup kuat kepada semua yang mengambil bahagian di dalam gejala wang.

Kita bukan hanya kempen, kita buat terus, minta maaf! Minta jawab penjelasannya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Apa terjadi dengan Menteri Besar Selangor sekarang? Ada kena buang atau tidak? Saya rasa itu dengan sendirinya self explanatory.

**Tuan Noh bin Omar:** [Bangun]

**Dato' Azmi bin Khalid:** [Bangun]

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, ada tiga orang yang bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, ini saya hendak minta penjelasan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sudah cukuplah. Kalau beri-beri balik, ini lagu lama ini.

Saya rasa yang penting sekali kalau kita hendak memerangi rasuah, perlu ada satu usaha yang menyeluruh top down bottom up.

**Tuan Noh bin Omar:** Berilah penjelasan sedikit. Berilah saya bercakap.

**Tuan Lim Guan Eng:** Minggu depan saya akan beri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, minta duduklah, dia tidak beri!

**Tuan Lim Guan Eng:** Kerana kalau kita tidak ada satu strategi top down dan bottom up, kita tidak akan berjaya memerangi amalan rasuah. Tidak boleh dinafikan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tadi, janji hendak beri!

**Tuan Lim Guan Eng:** Bahawa satu daripada punca utama mengapa rasuah begitu berleluasa dan bermaharajalela ialah kerana amalan rasuah oleh pemimpin tertinggi ....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, hendak beri jalan kepada Jelebu atau tidak?

**Tuan Lim Guan Eng:** Minggu depan! Pemimpin tertinggi ....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, ini tidak tepat janji ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Minggu depan saya akan buat. Kalau tidak ada orang ganggu, saya akan berikan.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Kota Melaka tidak tepat janji dengan saya dalam Dewan ini. Tadi, dia kata hendak beri. Ini apa cerita ini? Membohong dalam Dewan ini!

**Tuan Lim Guan Eng:** Minggu depan saya akan berikan. Usaha yang menyeluruh ini, gejala rasuah menjadi lagi teruk dan saya bukan cakap sesuka hati.

**Seorang Ahli:** Cakap tak serupa bikin.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, kerana saya ingin merujuk kepada satu kajian yang dibuat oleh kerajaan apabila hendak mempromosikan MSC di mana mereka bertanya kepada pihak pelabur-pelabur asing luar, apakah reservation, apakah kelemahan utama dalam negara Malaysia. Dan di antara, dengan izin, barriers to entry on MSC, di antara sebab-sebab yang disebutkan oleh mereka ialah rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tidak memerangi rasuah, ia akan menjejaskan kejayaan MSC, menjejaskan usaha kita menjadi sebuah masyarakat maklumat. Oleh sebab itu, saya rasa masa sudah sampai dan kita tidak boleh berlengah-lengah lagi, tidak mahu mengambil tindakan kepada amalan rasuah. Sungguhpun gejala rasuah berlaku dengan begitu serius sekali tetapi kerajaan masih tidak mahu meminda undang-undang untuk menyekatnya.

Sekarang mengikut undang-undang menentang rasuah, seseorang ahli pentadbir hanya boleh didakwa di mahkamah kalau dia dibuktikan telah menyalahgunakan kuasa, itu yang pertama.

Yang kedua, secondly, untuk manfaat beliau dan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya sambung minggu depan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Isnin.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*